

BULETIN PEJABAT PENDAFTAR

TERAS

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

كتابي khas

UTeM

HUBUNG KAIT
antara Puasa dan Kerja

PENGALAMAN
Berpuasa Nurlisa Loke

Lawatan ke Bahagian
KABINET...

'OPEN BOOK'
Peperiksaan Perkhidmatan Staf

Isi kandungan

Etika Bekerja Cara Rasulullah SAW	5
Hubungkait Puasa dan Kerja	10
Ramadan di Perantauan	17
Pengalaman Berpuasa Nurlisa Loke Abdullah	19
Berpuasa Ketika Hamil	22
Puasa Yang - Yok	23
Pelaksanaan Peperiksaan Perkhimat (Open Book)	24
Staf Naik Pangkat...Akademik	26
Staf Naik pangkat...Bukan Akademik	27
Dari Dapur Bujang	30
Dari Jauh Ku Pohon Maaf	32
Lawatan ke Bahagian Kabinet	33
Coretan Aktiviti Bahagian Kesejahteraan	35
Taklimat Setiausaha	38
Taklimat Perkeso	39

Sidang Redaksi

Penaung

Hasan bin Sirun

Ketua Editor

Masdzarif bin Mahat

Sidang Redaksi

Azrina binti Alwi

Hasan bin Saleh

Noraini binti Buang

Norsuria binti Azis

Faridah binti Ahmad

Mahathir bin Mazizan

Hisyamuddin bin Jamari

Muhammad Hazrul bin Md Esa

Penulis/Wartawan

Azrina binti Alwi

Norsuria binti Azis

Noor Izwanni binti Amil

Dr. Radzuhan bin Nordin

Mohd Hairull bin Abdolah

Norhafizah binti Md Yusoh

Nurlisa Loke binti Abdullah

Ahmad Fadzil bin Mohamad

Amirul Rasyid bin Mohamad

Muhamad Hazrul bin Md Esa

Nur Fazilah binti Mohd Kassim

Wan Nazrul Shukri bin Kamarul Baharin

Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi H A.Majid

Jurugambar

Asri bin Abu

Jorafiza binti Juki

Nurulidayu binti Talib

Mohd Farid bin Sapungi

Norziyana binti Hanipah

Khairul Nizam bin Minhat

Md Nor bin Mohamad Saleh

Pembaca Pruf

Norhafizah binti Md Yusoh

Nurhayati binti Mohd Shariff

Muhamad Iskandar Shah bin Ab Ahmid

Perekabentuk

Ratnasaerah binti Azis

* Gambar muka depan : Masjid Sayyidina Abu Bakar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka



Editorial
Teras Edisi Khas

*Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih.
Selawat Dan Salam Kepada Nabi Muhammad SAW.
Selamat Sejahtera Kepada Anda Dengan Rahmat Dan
KeberkatanNya.*



Suatu Hari Di Hari Raya


Masa kecik-kecik dulu, beberapa hari lagi nak puasa aku memang dok tunggu depan tv biasanya dari lepas maghrib sampai la ke pukul sembilan lebih macam tu, bukannya apa sebab nak dengar pengumuman oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja masa tu iaitu Engku Tan Sri Ibrahim Engku Ngah untuk memaklumkan kepada seluruh warga Islam di Malaysia mengenai tarikh mulai berpuasa dan dah tentunya selepas tu tarikh bila nak raya. Suara beliau amat sinonim dengan pengumuman tersebut hingga kapan bila ditukar kepada Datuk Syed Danial bin Syed Ahmad sebagai Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja yang baru mulai 2011 lalu rasa janggal pulak. Aku masa zaman kanak-kanak dulu, kalau bulan puasa tu waktu berbuka makan macam orang dah seminggu tak makan, ketat perut sampai nak tarik udara pun tersekat-sekat. Lepas tu bila pergi sembahyang terawih dah rasa tak selesa sebab berat benor perut ni rasanya. Waktu sahur pulak, punya la susah nak bangun, tapi bila makan tu emm melantak macam berbuka jugak, konon-kononnya nak cover sehariyan tak makan dan minum. Itu lah dulu, masa kecik-kecik berpuasa, bersahur, berterawih ikut orang, tak tahu fadhilat, kebaikannya, keberkataannya dan pahala yang diterima.. Subhanallah, jika aku tahu keberkataannya, rahmat yang diberi oleh Allah kepada hambaNya yang beribadat dengan sesungguh hati, maka tidaklah aku bermain-main, minum air paip secara curi-curi dan makan sebanyak-banyaknya semasa berbuka.



Anugerah Aidilfitri

Bila sebut mengenai anugerah atau rahmat yang Allah berikan kepada hamba-hambaNya yang soleh sempena bulan puasa ini sebenarnya terlalu banyak, terpulanglah kepada kita untuk merebutnya.





Hadis riwayat Imam Ahmad dan An-Nasai, bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda :

"Sesungguhnya telah hadir bulan Ramadan, bulan berkat. Allah telah mewajibkan ke atas kamu berpuasa, dibuka pintu-pintu syurga, ditutup rapat pintu-pintu neraka dan ditambat para syaitan. Di bulan ini, terdapat satu malam yang terbaik daripada seribu bulan. Sesiapa yang tidak berusaha mendapatkan kebaikan-kebaikannya sesungguhnya dia rugi."

Hadis ini menjelaskan bahawa kedatangan bulan Ramadan adalah satu perkara yang amat ditunggu-tunggu oleh semua umat Islam. Ramadan adalah bulan dimana ia memberi peluang dan jalan kepada kita untuk memperbanyakkan ibadat kerana kita diberi pelbagai kebaikan yang tidak terdapat dibulan-bulan lain. Jalan untuk mendapatkan pahala yang berlipat kali ganda terbentang luas. Inilah pemberian Allah yang tiada tolok bandingnya, tiada harta benda yang boleh disamakan dengan rahmat dan kasih Allah berikan kepada hamba-hambanya yang berbuat kebaikan.

Nah, jika begitu, tanyakan kepada diri kita semua, apakah yang ingin kita lakukan di bulan yang mulia ini? Mahukah kita menerima tawaran dan pemberian Allah ini? Mahukah menjadi hambanya yang mendapat keberkatan malam Lailatul Qadr, malam yang lebih baik dari seribu bulan (bersamaan 83.3 tahun)? Subhanallah, jika aku tahu ganjarannya tidaklah aku leka....sampaikah aku ke umur tersebut?

Sebagaimana peringatan yang diberikan di dalam hadis tersebut, iaitu "Sesiapa yang tidak berusaha mendapatkan kebaikan-kebaikannya, sesungguhnya dia rugi." Oleh itu, marilah kita bersama-sama berusaha sebaik mungkin untuk merebut peluang keemasan ini, peluang yang beribu kali ganda baiknya dari peluang diskau, harga murah, beli satu dapat satu percuma, beli satu RM20, tapi kalau beli dua RM18....marilah kita letakkan sasaran untuk berlumba-lumba memanfaatkan peluang di masa yang terhad ini untuk beramal dan beribadah. Semoga yang yang diniatkan dan dilaksanakan akan diterima oleh Allah, Amin Ya Rabbal Alamin.

Cabarhan berpuasa di bulan Ramadan amatlah berat kepada orang-orang yang lalai. Oleh itu, pastikanlah kita menjaga ibadat puasa dengan sebaik-baiknya supaya ianya tidak terbatal atau tidak diberi ganjaran pahala oleh Allah. Allah telah menunjukkan cabaran-cabaran yang akan dihadapi oleh orang yang berpuasa serta bagaimana cara untuk mengatasinya.

Hadis riwayat An-Nasai, Ibnu Majah daripada Abu Hurairah r.a bermaksud :

"Setiap amalan anak Adam baginya kecuali puasa, maka sesungguhnyanya bagi-Ku dan Aku yang membalaunya dan puasa merupakan perisai, apabila seseorang kamu berpuasa maka janganlah ia bercakap yang cela, bertempik dan sekalipun dimaki oleh seseorang atau diperanginya maka hendaklah berkata – sesungguhnya aku berpuasa, demi yang jiwa Muhammad ditanganNya maka bau mulut orang yang berpuasa terlebih harum di sisi Allah dari bau kasturi. Dan bagi orang yang berpuasa itu beroleh dua kegembiraan iaitu di kala berbuka, ia akan bergembira dengan berbuka itu, dan di saat ia menemui TuhanNya nanti, dia akan gembira kerana puasanya."


UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Airmata Syawal

Berbalik kepada waktu kecil dulu...inilah waktu yang ditunggu-tunggu, waktu bergembira sebab dah tak payah berpuasa, bebas untuk makan dan minum. Masa tu aku tinggal di kuarters tentera di Kem Kuantan, Pahang, aku akan buat perancangan dengan kawan-kawan untuk mengutip sebanyak mana duit yang boleh, kumpul hingga cukup untuk beli tikam nombor, jual kat kawan-kawan untuk dapat untung yang lebih besar lagi..hua hua..hua..jadi kaya sekejap. Subhanallah, jika aku tahu bukan itu tujuan raya di pagi Syawal...



Syawal





Terdapat beberapa amalan sunat yang digalakkan ketika menyambut Hari Raya. Antaranya:

- Bertakbir mulai saat matahari terbenam di akhir bulan Ramadan. Imam Syafie ada menyebut bahawa malam Hari Raya adalah di antara malam-malam yang mudah diperkenan doa, sebagaimana yang beliau sampaikan di dalam kitabnya Al-Umm iaitu, "Telah sampai kepada kami bahawasanya dikatakan sesungguhnya doa itu sungguh mustajab pada lima malam : malam Jumaat, malam Hari Raya Adha, malam Hari Raya Fitrah, awal malam Rejab dan malam Nisfu Sya'ban."
- Mandi, bersugi dan memakai wangi-wangian sebelum ke masjid;
- Menjamah sedikit makanan sebelum ke masjid. Hadis riwayat Al-Bukhari dan Imam Ahmad bermaksud : "Nabi SAW tidak keluar pada waktu pagi Hari Raya Fitrah sehingga Baginda makan terlebih dahulu beberapa biji buah tamar dan Baginda memakannya dalam bilangan ganjil."
- Ziarah-menziarahi dan saling bermaafan. Adab ziarah-menziarahi juga perlu dijaga antaranya hendaklah memberi salam atau meminta izin daripada tuan rumah, menjaga kesopanan dan memilih waktu yang sesuai untuk berkunjung dan sebagainya.


Dari Jauh Ku Poton Maaf

Sesuai dengan bulan yang mulia ini, TERAS Edisi Khas memfokuskan kepada bulan Ramadhan, pengalaman, kebaikan, kaitannya dengan pekerjaan, juga berita di perantauan oleh staf yang sedang Cuti Belajar dimuatkan untuk tatapan warga Universiti khususnya dan pembaca di kalangan institusi pengajian tinggi amnya. Semoga hasil nukilan di kalangan warga UTeM ini memberi manfaat kepada semua.



Di kesempatan ini juga, saya bagi pihak Sidang Redaksi Buletin TERAS, Pejabat Pendaftar Universiti Teknikal Malaysia Melaka ingin mengucapkan Selamat Berpuasa Dan Selamat Menyambut Eidul Fitri kepada semua warga UTeM dan para pembaca di IPTA, Politeknik, Kolej Komuniti serta lain-lain agensi Kerajaan. Maaf Zahir Batin.

Wassalam.

Masdzarif Hj. Mahat.



Ramadan bakal beransur pergi
Syawal menjelma di Aidilfitri
Seikhlas hati menyusun jari
Salam Aidilfitri, Maaf Zahir Batin
Dari kami warga Sidang Redaksi



Etika Bekerja Cara Rasulullah SAW

Oleh: Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi H A.Maji

PENDAHULUAN

Dalam Islam, nilai hidup terbahagi kepada tiga. Pertamanya akidah, iaitu yang menyangkut pegangan hidup. Keduanya syariah, iaitu yang menyangkut sistem hidup. Ketiganya akhlak, iaitu yang menyangkut moral hidup.

Pembahagian ini terpakai dalam berbagai aspek hidup, termasuk dalam soal pekerjaan. Khusus berkait dengan pekerjaan, akidah menyangkut konsep tentang kerja berkenaan. Syariah menyangkut sistem yang dipilih bagi melaksanakan kerja itu. Akhlak pula menyangkut sikap dalam melaksanakan kerja berkenaan.

Tentang 'Konsep', Rasulullah bersabda, maksudnya "Sesungguhnya setiap kerja itu dinilai berdasarkan kepada niat dan setiap orang akan memperolehi apa yang dia niatkan. Sesiapa yang hijrahnya kepada Allah dan Rasulnya maka hijrahnya itu kepada Allah dan Rasulnya. Dan sesiapa yang hijrahnya kepada keuntungan dunia yang diperolehi atau perempuan yang dikahwini maka hijrahnya itu kepada hal-hal seperti itu."

Dalam hadis ini, persoalan yang timbul ialah keperluan kepada konsep yang betul. Tanpa konsep seperti ini sesuatu kerja itu walau bagaimana baik sekalipun tidak akan diterima sebagai kerja-kerja Islam, kerana tidak mempunyai asas akidah yang diperlukan.

Dalam sebuah hadis yang lain, Rasulullah ditanya tentang "Orang-orang yang berperang kerana berani dan orang-orang yang berperang kerana dendam. Mana satu antara keduanya berperang Fi Sabillillah ?" Jawab baginda "Sesiapa yang berperang kerana meninggikan kalimat Allah dialah yang berperang Fi Sabillillah". Soalnya bukan kerja yang dilakukan, tetapi niat, iaitu konsep yang menjadi asas pegangan atau akidah kepada kerja itu sendiri.

Pada peringkat ini, persoalannya bukan cara melakukan (kaifiyat) iaitu yang merupakan aspek dalam syariah . Bukan juga moral kerja yang dilakukan iaitu yang merupakan aspek dalam akidah. Tetapi lebih asas daripada kedua-duanya itu, yang merupakan aspek dalam akidah, jaitu falsafah tentang melakukan sesuatu itu.

Dalam sebuah hadis Rasulullah bersabda "Sesiapa di antara kamu yang melihat kemungkaran, maka hendaklah dia mengubah kemungkaran itu dengan tangannya. Sesiapa yang tidak mampu dia perlu mengubah dengan lidahnya. Sesiapa yang tidak mampu dia perlu mengubah dengan hatinya"

Hadis ini tidak lagi memperkatakan tentang 'mengapa', iaitu niat dan akidah. Ia sebaliknya memperkatakan tentang nilai peringkat kedua dalam kerja itu, iaitu syariat.

Kelebihan Ramadan

1. Dibelenggu Jin dan Syaitan

Rasulullah SAW bersabda:
"Apabila tiba saja malam pertama bulan Ramadan, dibelenggulah syaitan-syaitan dan jin-jin yang ganas (yang besar).

Pintu-pintu Neraka ditutup dan tiada satupun terbuka. Pintu-pintu Syurga pula dibuka dan tiada satupun yang tertutup."
(Riwayat at-Tirmidzi, Ibnu Khuzaimah)

2. Pahala menyamai beribadah sepanjang malam


Abu Zar r.a meriwayatkan
Rasulullah SAW: "Barangsiaapa berqiam (Ramadan) bersama-sama imam sehingga ia selesai, akan ditulis baginya (ganjaran) seumpama berqiamullail."
(HR al-Tirmidzi)

KONSEP

Bagaimanapun soal 'mengapa' masih berbangkit melalui hadis-hadis lain, termasuk yang tersebut di atas tadi. Jika niat sudah betul barulah berbangkit soal tindakan fizikal dalam menghapuskan kemungkaran itu lebih utama daripada tindakan moral. Tetapi jika sebaliknya, keutamaan itu tidak berbangkit. Malah, mungkin tindakan moral yang dianggap paling lemah itu, jika dibuat secara jujur lebih baik daripada tindakan fizikal secara tidak jujur atau berasaskan objektif yang salah.

Dalam sebuah hadis lain lagi Rasulullah bersabda, maksudnya "Allah sangat suka apabila seseorang itu melakukan sesuatu kerja, dia melakukannya dengan cukup mahir dan tekun."

Dalam hadis ini, persoalannya bukan lagi mengapa dilakukan, iaitu akidah. Juga bukan lagi apa yang dilakukan, iaitu syariah. Tetapi bagaimana melakukan, iaitu akhlak atau moral. Walau bagaimana pun perkaitan dengan soal akidah dan syariat di atas itu tadi, masih ada dan rapat. Jika kerja itu berasaskan objektif yang salah, misalnya kerja-kerja jahat, atau menggunakan kaedah atau sebagainya yang tidak betul, kemahiran dan ketekunan yang tinggi tidak mempunyai nilai apa-apa. Malah kerja-kerja baik yang berfaedah yang dilakukan tanpa kemahiran yang cukup itu lebih baik daripada kerja-kerja jahat yang dilakukan dengan kemahiran ketekunan yang tinggi.



Dalam suatu hadis yang lain pula, Rasulullah menyebut prinsip 'Ihsan' ini perlu diamalkan dalam semua kerja yang dilakukan sampai kepada kerja-kerja menyembelih binatang. Antara contoh 'Ihsan' dalam menyembelih binatang ialah "dengan menggunakan pisau yang tajam" dan "meletakkan binatang itu dalam kedudukan yang selesa". Maksudnya, melakukan dengan cara yang sangat bermutu dan tinggi etikanya.

Bagaimanapun, persoalannya tidak dapat dipisahkan daripada dua nilai yang lebih asas sepertimana yang tersebut di atas itu tadi, iaitu konsep tentang kerja itu sendiri dan apa yang dilakukan dalam kerja berkenaan.

Dalam satu istilah lain, etika kerja ini disebut juga sebagai "Ihsan". Maksudnya melakukan sesuatu dengan tekun, mahir dan moral yang tinggi. Dalam sebuah hadis, Rasulullah bersabda menyatakan bahawa "Iman" itu ialah kepercayaan dan keyakinan, "Islam" itu ialah merealisasikan kepercayaan dan keyakinan itu tadi dalam kerja sebenar, sementara "Ihsan" pula "Bahawa kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihatnya. Jika kamu tidak melihatnya sekalipun, Dia tetap melihat kamu." Maksudnya melakukan dengan sebaik mungkin sehingga kepada tahap yang paling maksimum.

3. Mendapat syafaat daripada puasa dan al-Quran

Daripada Abdullah bin Umar r.a bahwasanya Rasulullah SAW telah bersabda: "Puasa dan al-Quran pemberi syafaat kepada seseorang hamba pada hari kiamat nanti, Maka telah berkata puasa: "Wahai Tuhanku, Aku telah menghalangnya daripada makan dan menahan syahwat pada siang hari maka terimalah syafaatku untuknya." Dan al-Quran berkata: "Wahai Tuhan, aku telah menghalangnya daripada tidur pada malam hari maka terimalah syafaatku untuknya. Maka kedua-duanya memberi syafaat kepada hamba tersebut." (Riwayat Ahmad)

Rasulullah SAW telah bersabda : "Bacalah al-Quran, kerana ia akan datang pada hari kiamat sebagai pemberi syafaat (Pertolongan) kepada pembacanya." (Riwayat Muslim dari Abi Umamah)



Dalam al-Quran Allah menyebut tentang keperluan menjawab salam dengan cara yang sempurna, iaitu dengan mengatakan menjawabnya secara lebih komprehensif daripada salam yang diterima atau sekurang-kurangnya sama dengannya. Maksudnya dengan cara yang terbaik.

Berbanding dengan nilai akidah dan syariah, nilai akhlak ini terlepas daripada implikasi hukum dan undang-undang, seperti hak dan obligasi, sah dan batal dan sebagainya, kecuali dalam bentuk moral dan akhlak sahaja. Mengambil contoh di atas, sembahyang tetap sah, jika sudah cukup rukun dan syaratnya walaupun orang yang bersembahyang itu gagal menghadirkan Tuhan dalam dirinya ketika melakukannya. Cuma moral sembahyangnya itu rendah dan mungkin tidak boleh membantu mencapai sebahagian daripada objektifnya, sebagai contoh menjadi perisai buat menolak kerja-kerja jahat. Begitu juga sembelihan itu sah dan halal dimakan walaupun dengan menggunakan pisau yang tumpul. Bagaimanapun penyembelihan itu tidak beretika atau bermoral tinggi kerana gagal mengurangkan azab binatang berkenaan ketika disembelih. Begitulah seterusnya.

Dalam kata lain, etika kerja menyangkut nilai moral kerja itu dan tidak membangkitkan soal tidak melaksanakan tanggungjawab atau kewajipan yang telah ditetapkan. Kerana jiwa sudah melibatkan masalah cuai dan tidak melakukan tugas atau tanggungjawab ia bukan soal etika atau akhlak lagi. Ia adalah soal lebih asas daripada itu, iaitu syariah yang menentukan hak dan kewajipan berhubung dengan kerja berkenaan. Bagaimanapun hal ini tidak menafikan kepentingan etika kerja itu sendiri dalam mencapai matlamat hidup yang berjaya. Kerana ia menjadi asas kepada kecemerlangan dan mutu serta penghasilan kerja yang tinggi.

Contoh-contoh daripada Sunnah Rasulullah:

Apa yang akan disebut di bawah ini hanyalah beberapa contoh sahaja. Untuk menyenaraikan satu senarai etika kerja yang komprehensif memerlukan penelitian yang meluas dan mendalam. Antara contoh-contoh tersebut ialah:

1. Bekerja dengan tulus ikhlas.

Dalam al-Quran Allah s.w. berfirman:

Yang bermaksud:

"Mereka tidak disuruh kecuali berabdi kepada Allah dengan penuh ikhlas" al-Baiyinah (98): 5

Sesuai dengan prinsip ini Rasulullah bersabda:

Yang bermaksud:

"Sesungguhnya segala perbuatan itu (dinilai) berdasarkan kepada niat, dan setiap orang akan memperolehi apa yang dia niatkan. Maka sesiapa yang hijrahnya kepada Allah dan Rasulnya maka hijrahnya itu kepada Allah dan Rasulnya. Dan sesiapa yang hijrahnya bertujuan untuk mendapat keuntungan dunia atau untuk mengahwini mana-mana perempuan maka hijrahnya itu untuk apa yang dia berhijrah kepadanya", Hadis Muttafaq 'alaih.

Sabda Rasulullah lagi:

Yang bermaksud:

"Peniaga yang bersikap benar dan amanah itu (dibangkitkan pada hari kiamat) bersama para nabi, siddiqin dan para syuhada" – Hadis riwayat al-Tirmidzi, Ibn Majah dan Abu Daud.

4. Diampunkan segala dosa terdahulu



Rasulullah SAW telah bersabda:
"Barangsiapa yang menghidupkan malam-malam Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharap pahala daripada Allah SWT nescaya

Allah akan mengampunkan dosa-dosa yang telah lalu. (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Rasulullah SAW telah bersabda:
"Barang siapa yang berpuasa pada bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapkan pahala daripada Allah SWT maka Allah SWT akan menghapuskan dosa-dosanya yang telah lalu." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

5. Mendapat pahala haji dan umrah sempurna dalam bulan puasa

Daripada Anas bin Malik r.a katanya Rasulullah SAW telah bersabda: "Sesiapa yang solat subuh berjemaah kemudian duduk berzikir hingga terbit matahari kemudian solat dua rakaat (Sunat Dhuhra) maka ia akan mendapat pahala haji dan umrah yang sempurna, sempurna dan sempurna." (Riwayat al-Tirmidzi)



2. Bekerja dengan komitmen yang tinggi.

Maksudnya dengan penuh rasa tanggungjawab sebagai seorang yang memikul sendiri segala hal dan persoalan yang berbangkit daripada kerja berkenaan. Sabda Rasulullah SAW:

Yang bermaksud:

“Setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap kamu akan dipertanggungjawabkan tentang kepimpinannya” Hadis Muttafaq ‘alaih.

Sehubungan dengan “kerja”, hadis ini menegaskan bahawa setiap orang secara individu melihatnya sebagai tugas peribadi yang perlu dipikul dengan penuh tanggungjawab. Baginda Rasulullah SAW sendiri telah menggambarkan komitmen baginda terhadap kerja-kerja penyebaran Islam apabila dihalang oleh orang-orang Quraisy dengan sabdanya :

Yang bermaksud:


“Demi Allah, kalau mereka meletakkan matahari di kananku dan bulan di kiri ku agar aku meninggalkan urusan ini tidaklah aku akan meninggalkannya sehingga Allah memberi kemenangan bagi agama itu atau akan hancur di dalamnya”

3. Sentiasa berusaha kearah kecemerlangan.

Dalam sebuah hadis Rasulullah SAW bersabda:

Yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah mewajibkan Ihsan atas semua perkara . Apabila kamu membunuh, bunuhlah dengan baik. Apabila kamu menyembelih, sembelihlah dengan baik. Tajamkan pisau dan rehatkan binatang yang disembelih itu” – Hadis riwayat Muslim dan Ibn Majah.



Maksud Ihsan di sini ialah melakukan dengan sebaik mungkin dan cemerlang. Antara contoh yang disebut ialah membunuh dan menyembelih binatang dengan cara yang penuh kasihan.

Satu contoh kecemerlangan yang lain ialah melakukan sesuatu dengan kemahiran yang tinggi. Baginda Rasulullah bersabda:

Yang bermaksud:

“Allah suka apabila seseorang itu melakukan sesuatu dia akan melakukannya dengan penuh mahir” – Hadis riwayat al-Baihaqi

Satu contoh lain bagi Ihsan ialah berusaha mencari kesempurnaan dalam melakukan sesuatu melalui nilai tambah yang tertentu. Menjawab soalan tentang Ihsan ini, Rasulullah bersabda:

Yang bermaksud:


“Bahawa kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihatnya. Dan kalau pun kamu tidak melihatnya Dia tentu sekali melihat kamu” - Hadis riwayat Muslim

6. Memberi makan kepada orang berpuasa akan mendapat pahala berpuasa

Rasulullah SAW telah bersabda:
“Barangsiapa yang memberi makan kepada orang yang berpuasa maka baginya pahala seperti orang yang berpuasa tanpa dikurangi sedikitpun dari pahalanya.”
(Riwayat Ahmad dan Tirmidzi)

7. Bersedekah menghapuskan dosa-dosa dan kesalahan

Rasulullah s.a.w telah bersabda:
“Puasa itu perisai, sedekah akan memadamkan kesalahan-kesalahan seperti api dan begitu juga seorang lelaki yang bangun di pertengahan malam.”
(Riwayat Ahmad, Tirmidzi dan Ibnu Majjah)



4. Menjaga waktu.

Sabda Rasulullah:

Yang bermaksud :

"Apabila kiamat sedang berlaku, dan di tangan seorang daripada kamu ada benih, kalau dia masih sempat menanam benih itu hendaklah dia menanamnya . Dengan itu dia dapat pahala". – Hadis Anas Ibn Malik bertaraf Hasan.

Termasuk dalam prinsip ini ialah penggunaan masa secara maksimum. Dalam Al-Quran, Allah bersumpah menggunakan perkataan "waktu asar". Mengikut bahasa "asar" bererti memerah. Ia seolah-olah memberi erti masa yang telah diperah, iaitu yang telah digunakan secara paling maksimum.

Mengenai penjagaan waktu ini, Rasulullah SAW pernah menyifatkan sebagai satu amalan yang terpuji. Menjawab soalan tentang apakah amalan yang paling afdhil, jawab baginda "bersembahyang di awal waktu" – Hadis Muttafaq 'alaih.

5. Menghormati kepakaran orang lain.

Melihatkan para pekebun tamar sentiasa bekerja keras mengahwinkan debunga antara pokok berkenaan supaya ia berbuah, Rasulullah SAW bertanya, "mengapa sampai begitu ? Tidakkah tamar itu boleh berbuah tanpa debunganya dikahwinkan ?"

Mendengar pertanyaan Rasulullah SAW itu, para pekebun berkenaan berhenti daripada melakukan proses yang diamalkan zaman berzaman itu. Hasilnya negatif sekali. Pada tahun itu buah tamar menjadi kerdil dan tidak sesuai dimakan. Apabila hal seperti itu sampai ke pengetahuan Rasulullah SAW, baginda lalu membetulkan keadaan. Sabda Rasulullah SAW "Kamu semua lebih tahu tentang hal dunia kamu" – Hadis riwayat Muslim.

Terdapat juga hadis menceritakan apabila Rasulullah ditanya samada strategi mempertahankan kota Madinah yang dibentangkan oleh baginda itu berdasarkan wahu daripada Allah atau tidak. Apabila baginda menyatakan ia bukan wahu, seorang sahabat mencadangkan suatu strategi lain. Baginda lalu menerima cadangan itu memandangkan kepakaran sahabat berkenaan.


6. Sentiasa berdoa kepada Allah.

Salah satu etika yang sentiasa diberi perhatian oleh Rasulullah SAW dalam melakukan kerja ialah berdoa kepada Allah bagi kebaikan kerja itu. Ia bukan sahaja dalam ibadat khusus, yang di dalamnya doa disifatkan sebagai otak "Mukh" tetapi juga dalam semua kerja yang dilakukan.

PENUTUP

Demikian secara ringkas prinsip dan beberapa contoh daripada sunnah Rasulullah SAW tentang etika kerja. Bagaimana pun, contoh-contoh di atas bukanlah nilai-nilai yang statik . Sepertimana yang diuraikan dalam pendahuluan di atas , ia tersimpul dalam konsep-konsep "Itqan" , iaitu kemahiran yang tinggi , dan " Ihsan" , iaitu pelaksanaan yang sebaik mungkin.

Wallahu a'lam.



Hubungkait Puasa dan Kerja

Oleh: Dr. Radzuan bin Nordin

Alhamdulillah segala pujian bagi Allah Tuhan sekalian Alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad saw, kaum keluarga dan sekalian sahabat baginda. Kita bersyukur kepada Allah swt masih lagi diberikan kesempatan untuk sekali lagi menerima kunjungan Ramadan yang dinanti-nantikan. Bulan yang menyediakan segala kebaikan, dilimpahi dengan segala kemuliaan, dihiasi dengan segala ketaatan, bulan manusia membangunkan diri mereka demi mengejar nilai takwa, sebagaimana Firman Allah SWT di dalam surah Al-Baqarah, ayat 183:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتُبَ عَلَيْكُمُ الصَّيَامُ كَمَا كُتُبَ عَلَى

الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

"Wahai orang-orang yang beriman, puasa telah diwajibkan ke atas dirimu, sebagaimana ia telah diwajibkan ke atas umat sebelum kamu, mudah-mudahan dengan puasa itu kamu bertaqwa"

Sejarah telah membuktikan di zaman Rasulullah saw, para sahabat amat gembira dengan kehadiran bulan yang mulia ini dan akan bersedih dengan pemergiannya. Sebaliknya terdapat dikalangan umat Islam pada hari merintih dan mengeluh dengan kehadiran bulan ini. Apa yang lebih mengecewakan, mereka meletakkan alasan untuk bermalas-malasan dan mengurangkan kualiti kerja yang ada dalam diri mereka. Bila ditanya mengapa begitu? Mereka akan mengatakan: "Saya letih kerana sedang berpuasa".

Seseorang yang berpuasa sepatutnya lebih kuat bekerja serta berusaha memperbaiki diri dan keluarga, melakukan perubahan dari tidak baik kepada yang lebih baik, lebih bersemangat, bermotivasi, banyak membaca dan menelaah bahan bacaan yang berfaedah, lebih-lebih lagi kitab suci al-Quran yang sangat digalakkan membacanya sepanjang bulan Ramadan ini. Perlaksanaan falsafah puasa yang sebenar mampu mewujudkan persekitaran kerja yang lebih kondusif dan berdaya saing. Namun tidak semua umat Islam dengan mudah dapat memahami apa yang dikehendaki oleh Allah melalui ibadah ini.



Mantan Perdana Menteri dan juga pengasas negara Islam moden Tunisia (atas fahaman sekular), al-Habib Bourraqiba pernah menyatakan bahawa puasa di bulan Ramadhan akan mengurangkan kualiti bekerja dan pengeluaran negara. Pada tahun 1961, beliau memerintahkan para pekerja di kalangan rakyatnya khususnya penjawat awam berbuka puasa (tidak berpuasa) untuk menjaga pengeluaran negara. Dengan sombongnya bagi menunjukkan keseriusan beliau dengan perintah ini, beliau telah muncul bersama anggota kabinetnya secara langsung di televisyen pada tengah hari Ramadan dan makan beramai-ramai.

Puasa

Firman Allah Ta'alā :

Maksudnya : " Wahai orang-orang yang beriman telah diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana telah diwajibkan ke atas umat-umat yang sebelum kamu semoga kamu menjadi orang-orang yang bertaqwa ". (Surah Al-Baqarah Ayat 183)

Pengertian Puasa

Ertinya menahan diri dari makan dan minum dan dari segala perbuatan yang boleh membatalkan puasa mulai dari terbit fajar hingga terbenam matahari.

Syarat-syarat Puasa

Terbahagi kepada 2 :

- Syarat-syarat wajib
- Syarat-syarat sah

Syarat wajib

- Islam
- Baligh
- Berakal
- Berupaya(sihat)

Syarat sah

- Islam
- Berakal
- Bersih daripada haid & nifas sepanjang hari
- Niat

Perhatikan budaya kita di Malaysia. Apakah kita hebat di bulan Ramadhan? Apakah kita produktif di bulan Ramadhan? Di bulan Ramadhan, mesyuarat sangat sukar untuk dijayakan kerana semua orang kebuntuan idea, menguap dan kerap tidur. Di bulan Ramadhan, kita tangguhkan projek-projek penting ke lepas raya. Jika di bulan lain kita habis bekerja pada jam 5 petang, di bulan Ramadhan kita tinggalkan pejabat jam 4 petang. Semuanya gara-gara Bazar Ramadhan! Tidakkah semua itu mengiyakan apa yang didakwa oleh Habib Bourguiba? Tidakkah semua itu petanda bahawa kita memang tidak produktif di bulan Ramadhan? Tepuk dada, tanyalah iman masing-masing.



Telah diriwayatkan, tatkala tibanya bulan Ramadhan, Rasulullah s.a.w akan mengingatkan para sahabat akan erti dan nilai bulan yang mulia ini. Semuanya adalah untuk mengingatkan kita agar mengambil peluang yang diberikan oleh Allah ini. Misalnya di dalam sepotong hadith, Baginda s.a.w bersabda:

أَيُّهَا النَّاسُ، أَتَأْكُمْ رَمَضَانُ شَهْرٌ مُبَارَكٌ فَرَضَ اللَّهُ عَزَّ
وَجَلَّ عَلَيْكُمْ صِيَامٌ تُفْتَحُ فِيهِ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ وَتُغْلَقُ
فِيهِ أَبْوَابُ الْجَحِيمِ وَتُغْلَقُ فِيهِ مَرَدَةُ الشَّيَاطِينِ،
لَهُ فِيهِ لَيْلَةٌ خَيْرٌ مِنْ الْفِيْشَهْرِ، مَنْ حَرَمَ خَيْرَهَا
فَقَدْ حُرِمَ .
(رواه النسائي)

Wahai sekalian manusia. Telah datang kepada kamu Ramadhan. Bulan yang penuh keberkatan. Bulan yang difardhukan ke atas kamu oleh Allah 'Azza wa Jalla puasanya. Di bulan itu pintu Syurga dibuka, pintu neraka Jahim ditutup dan para Syaitan dirantai. Padanya ada satu malam yang lebih baik daripada seribu bulan. Barangsiapa yang terlepas peluang meraih rahmat ini, maka sesungguhnya dia itu hakikatnya diharamkan dari rahmat Allah. [Hadith riwayat al-Nasaai]

Jika ada sebuah pasaraya membuat tawaran istimewa, beli satu dapat 10, jalanraya dilapangkan menuju pasaraya itu, lampu isyarat semua dihijaukan, kenderaan lain semua dilencengkan, agar segala kemudahan diberi untuk kita pergi mendapatkan tawaran itu, tetapi kita tidak peduli dan tidak teringin langsung kepadanya, maka sesungguhnya kita memang tidak berminat sungguh dengan apa yang ditawarkan oleh pasaraya tersebut.

Demikianlah juga halnya dengan Ramadhan. Seandainya pintu Syurga sudah dibuka, pintu Neraka ditutup kunci, malah syaitan dirantai agar lemah potensinya dalam mengganggu manusia, segala gandaan pahala diberi dan segala galakan kebaikan ditawarkan, tiba-tiba kita langsung tidak tertarik untuk mendapatkannya, ia menandakan bahawa kita memang tidak berminat dengan Allah, tidak berminat dengan tawaran-Nya, tidak berminat dengan syurga dan tidak pernah kisah dengan neraka. Maka sesungguhnya orang ini benar-benar tidak mendapat sebarang rahmat daripada Allah. Semoga Allah melindungi kita daripada kedegilan dan kesombongan yang membinaaskan itu.

Berkaitan hubungan puasa dan kerja, adakah puasa benar-benar menghalang untuk memperoleh faedah pengeluaran dan pembangunan ekonomi negara? Mungkin di sini kita memerlukan pengajian dan kajian khas, sejauh manakah kesan puasa ini terhadap pengeluaran itu tadi? Sebabnya persoalan di atas masih lagi memerlukan satu asas jawapan yang tepat.

Rukun Puasa

- a) Niat
- b) Menahan diri dari makan & minum serta perkara-perkara yang membatalkannya

Masa Puasa

Puasa bermula dari terbit fajar hingga terbenam matahari

Faedah Puasa

- a) Melahirkan perasaan belas kasihan terhadap golongan miskin
- b) Mendidik nafsu & jiwa kearah kebaikan
- c) Dapat merasai apa yang ditanggung oleh golongan miskin
- d) Puasa merupakan perbuatan taat kepada Allah
- e) Mendidik budi pekerti untuk memiliki sifat-sifat terpuji
- f) Puasa mengajar seseorang supaya beramanah terhadap diri sendiri
- g) Puasa mengajar kesabaran dan berperaturan
- f) Puasa menyebarkan perasaan kasih sayang & persaudaraan dalam jiwa manusia



Ada juga komentar-komentar yang mengatakan puasa menyebabkan produktiviti dan pengeluaran berkurangan. Adakah perkara tersebut disebabkan oleh puasa atau ia disebabkan oleh adat dan juga tabiat negatif semasa berpuasa? Jika perkara kedua iaitu ia disebabkan oleh adat dan juga tabiat yang negatif semasa berpuasa, maka puasa terlepas dari tuduhan itu. Sepatutnya sesiapa yang menyeru meninggalkan puasa lebih baik ia menyeru merubahkan tabiat-tabiat negatif itu.

Kemudian bukankah puasa mampu memberikan faedah kepada pertumbuhan ekonomi? Puasa contohnya dapat meluangkan waktu sarapan dan makan tengahari yang biasanya berlaku semasa bekerja untuk bekerja dan menambahkan pengeluaran. Berapa ramai para pegawai dan pekerja mencuri-curi waktu untuk makan, apabila tiba waktunya mereka mengambil masa yang lama untuk itu.

Begitu juga tabiat merokok, dalam sehari orang yang merokok mengambil masa sehingga mencecah hingga ke satu jam. Puasa dapat mencegah mereka dari tabiat ini. Jangan kita lupa bahawa merokok juga mengurangkan pengeluaran begitu besar samada secara langsung iaitu dengan membuang masa, atau tidak iaitu dari sudut kesihatan diri.

Jika kita katakan bahawa puasa mengurangkan pengeluaran hingga ke 10 peratus, apa yang kita dapat keuntungan dari berpuasa? Sebenarnya banyak yang kita dapat daripada puasa, dari sudut spiritual, dari sudut pembentukan akhlak, dan dari sudut kesihatan. Faedhafaedahnya juga dapat membentuk sebuah masyarakat yang aman dan sejahtera.

Kalau seorang yang benar-benar berpuasa, mengerti erti berpuasa dia akan ikhlas bekerja dan dia akan meninggalkan perkara-perkara negatif seperti menipu, khianat, rasuah, mencuri, salah guna kuasa dan "curi tulang". Apa tidaknya bermula dari terbit fajar hinggalah terbenam matahari seseorang itu akan memelihara puasanya dari perkara yang mengurangkan pahala puasanya. Sudah

tentu sifat-sifat mazmumah tersebut perlu dihindarkan agar ibadah puasa tidak menjadi sia-sia. Dalam sunan al-Nasai, Rasulullah saw telah bersabda :

كم من صائم ليس له من صيامه إلا الجوع والعطش

Bermaksud: “Berapa ramai orang yang berpuasa tidak mendapat apa-apa kecuali lapar dan dahaga”.

Peringatan dari Rasulullah saw di atas menunjukkan umat Islam termasuk pekerja yang berpuasa mestilah berwaspada dalam menjalankan tanggungjawab dan amanah yang diberikan agar tidak bercampur baur dengan sifat mazmumah dan perbuatan haram. Jika ini difahami sudah tentu setiap pekerjaan yang diamanahkan dapat dijalankan dengan baik tanpa dirosaki oleh elemen-elemen negatif. Jika tidak, pekerja yang berpuasa hanya akan mendapat “telor kosong” sahaja termasuklah lapar dan dahaga semata-mata.

Jika kita imbas kembali sejarah kegemilangan Islam pada zaman awal, nescaya kita akan menginsafi situasi kita ketika di bulan Ramadhan zaman ini. Perbandingannya begitu ketara sekali. Di antara peristiwa-peristiwa besar yang berlaku di bulan Ramadhan ialah :

Berlakunya Peperangan Badar al-Kubra

Pada hari Jumaat 17 Ramadhan tahun ke-2 hijrah berlakunya perang pertama dalam Islam yang dikenali Perang Badar. Pada tahun ini juga disyariatkan kefarduan puasa pada bulan Sya'ban. Badar adalah nama tempat di sebuah lembah yang terletak di antara Madinah dan Mekah. Tentera Islam mengawal lokasi strategik dengan menguasai sumber air yang terdapat di situ. Perang ini melibatkan tentera Islam seramai 313 anggota berhadapan dengan 1,000 anggota tentera musyrikin Mekah yang lengkap bersenjata. Dalam peperangan ini, tentera Islam memenangi pertempuran dengan 70 tentera musyrikin terbunuh, 70 lagi ditawan manakala bakinya melarikan diri. Peperangan ini adalah suatu yang luar biasa apabila tentera Islam yang kurang jumlah, lemah daripada sudut

Sunat-sunat Puasa

- a) Makan sahur serta melambatkannya
- b) Menyegearkan berbuka puasa & sunat berbuka dengan buah kurma atau benda-benda yang manis
- c) Menjamu orang-orang yang berbuka puasa
- d) Mandi junub, haid dan nifas sebelum fajar
- e) Memperbanyakkan ibadah dan berbuat kebaikan
- f) Membaca Al-Quran
- g) Beriktiakat terutama 10 hari terakhir bulan Ramadhan

Perkara Makruh Ketika Berpuasa

- a) Berbekam
- b) Mengeluarkan darah
- c) Berkucup
- d) Merasa makanan
- e) Bersugi selepas gelincir matahari
- f) Mencium wangian

kelengkapan dan berpuasa dalam bulan Ramadan memenangi pertempuran Perang Badar. Ini membuktikan puasa bukan penyebab umat Islam bersikap lemah dan malas sebaliknya berusaha demi mencapai keredhaan Allah. Orang yang berjuang demi mencapai keredhaan Allah pasti mencapai kemenangan yang dijanjikan. Allah menegaskan dalam Surah Ali 'Imran ayat 123 hingga 125.

Maksudnya : "Dan sesungguhnya Allah telah menolong kamu mencapai kemenangan dalam peperangan Badar, sedang kamu berkeadaan lemah (kerana kamu sedikit bilangannya dan kekurangan alat perang). Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah, supaya kamu bersyukur (akan kemenangan itu).

(Ingatlah wahai Muhammad) ketika engkau berkata kepada orang-orang yang beriman (untuk menguatkan semangat mereka): "Tidakkah cukup bagi kamu, bahawa Allah membantu kamu dengan tiga ribu tentera dari malaikat yang diturunkan?"


Bahkan (mencukupi. Dalam pada itu) jika kamu bersabar dan bertaqwa, dan mereka (musuh) datang menyerang kamu dengan serta-merta, nescaya Allah membantu kamu dengan lima ribu malaikat yang bertanda masing-masing"

Peristiwa Gali Parit Sebagai Persediaan Menghadapi Peperangan Ahzab

Peperangan Ahzab juga dinamakan sebagai Perang Khandak (parit) kerana tentera Islam telah menggali parit yang sangat dalam di sekeliling kota Madinah sepanjang Ramadhan untuk menghalang tentera musuh dari menceroboh dan menyerang Madinah. Ini adalah hasil idea kreatif seorang sahabat bernama Salman al-Farisi. Usaha menggali parit ini telah dilakukan sepanjang bulan Ramadhan dan peperangan ini akhirnya berlaku pada awal bulan Syawal tahun ke 5 Hijrah dan peristiwa ini dirakamkan dalam al-Qur'an di dalam Surah Al-Ahzab.

Kejayaan Membuka Kota Mekah

Peristiwa ini berlaku pada 20 Ramadhan tahun ke-8 Hijrah. Peristiwa kemuncak ini berlaku apabila musyrikin Mekah melanggar perjanjian Hudaibiah yang termeterai dengan orang Islam. Antara kandungan perjanjian ini menyebut, setiap suku Arab boleh memilih sama ada menjadi sekutu Muhammad ataupun sekutu Quraisy. Kedua-dua pihak tidak boleh berperang dalam tempoh 10 tahun dan tidak boleh membantu pihak lain berperang. Malangnya, dalam suku-suku Arab yang bersekutu itu, ada golongan yang bertelagah iaitu Bani Bakar dan Khuza'ah. Bani Bakar bersekutu dengan Quraisy Mekah manakala Khuza'ah memilih bersekutu dengan Nabi Muhammad saw. Pada satu malam, Bani Bakar dengan pertolongan Quraisy Mekah menyerang perkampungan suku Khuza'ah di lembah Watir. Apabila berita itu sampai ke pengetahuan Nabi Muhammad saw, beliau mengerahkan ratusan ribu umat Islam menuju Mekah tanpa pengetahuan penduduk musyrikin Mekah. Beliau menolak sebarang rundungan dengan pihak Quraisy sehingga kemaraan umat Islam hanya diketahui apabila hampir memasuki Kota Mekah. Penduduk musyrikin menjadi jumlah yang kecil tanpa sebarang persiapan hanya bersembunyi di bukit, rumah ibadat dan rumah Abu Sufian. Akhirnya umat Islam memasuki kota Mekah tanpa sebarang pertumpahan darah. Peristiwa ini menggambarkan pertolongan Allah swt kepada hamba-hamba yang ikhlas kepadaNya. Allah swt menyebut dalam Al Quran Surah Al Fath ayat 1:



Maksudnya : "Sesungguhnya Kami telah membuka bagi perjuanganmu (wahai Muhammad) satu jalan kemenangan yang jelas nyata."

Sebahagian pentafsir al-Quran memberi maksud 'kemenangan' yang dimaksudkan adalah kemenangan membuka kota Mekah.

Perkara Yang Membatalkan Puasa

- a) Memasukkan sesuatu ke dalam rongga dengan sengaja kecuali terlupa
- b) Makan dan minum sepanjang hari
- c) Muntah dengan sengaja
- d) Bersetubuh atau keluar mani dengan sengaja
- e) Keluar darah haid & nifas
- f) Gila
- g) Pitam atau mabuk sepanjang hari
- h) Murtad

Keuzuran Yang Mengharuskan Berbuka Puasa

- a) Musafir
- b) Sakit
- c) Mengandung & Ibu yang menyusukan anak
- d) Tua

Keistimewaan Bulan Ramadhan

- a) Bulan yang mulia,berkat dan setiap doa akan dimakbulkan
- b) Allah merahmati orang yang mengimaniinya
- c) Al-Quran diturunkan dalam bulan ini
- d) Iblis dipenjarakan
- e) Terdapat malam yang mulia iaitu malam Lailatul qadar.
- f) Solat tarawikh dan zakat fitrah dilaksanakan.

Peristiwa Perjalanan Nabi Muhammad s.a.w Ke Tabuk

Peristiwa ini berlaku pada bulan Ramadan tahun ke-9 hijrah. Apabila pengaruh Nabi Muhammad saw tersebar ke pelosok Semenanjung Tanah Arab, ia memberikan tamparan hebat kepada Rom yang menjadi kuasa besar pada masa itu. Lantas Herkules, Maharaja Rom Timur (Bizantin) memutuskan menyekat pengaruh umat Islam di utara Tanah Arab. Apabila berita itu sampai ke pengetahuan Nabi Muhammad saw, beliau mengarahkan umat Islam berkumpul bagi menghadapi Rom dan mengutip zakat. Pada masa itu tanah Arab dilanda panas dan kesusahan. Iman umat Islam ketika itu benar-benar teruji. Namun, mereka tetap taat kepada perintah Nabi Muhammad saw. Beliau sendiri memimpin tentera seramai 30,000 anggota ke utara Madinah. Apabila tentera Islam tiba di Tabuk, tentera Rom tidak berada di situ. Sebaliknya Rom menarik diri apabila mengetahui kemaraan tentera Nabi Muhammad saw yang ramai. Tentera Islam terus menggasak Rom sehingga termeterai perjanjian antara Islam dan Rom. Sebagai persetujuan, Rom tunduk dan bernaung di bawah pemerintahan Nabi Muhammad saw dan dikenakan cukai sebanyak 3,000 dinar setiap tahun.

Islam Sampai Ke Yaman

Yaman terletak di selatan Semenanjung Tanah Arab. Nabi Muhammad saw mengutuskan Ali bin Abu Talib dengan membawa surat beliau untuk penduduk Yaman khususnya suku Hamdan. Dalam tempoh satu hari, kesemua mereka memeluk agama Islam secara aman. Peristiwa besejarah itu berlaku pada bulan Ramadan tahun ke-10 Hijrah.



oleh masyarakat Arab apabila melafazkan sumpah. Khalid al-Walid melaksanakan tugas itu dengan bergerak menuju ke Nakhla lalu menghancurkan patung al 'Uzza. Selepas itu, penyembahan patung pun berakhir.

Penyerahan Bandar Thaif

Bandar Thaif pernah mencatatkan sejarah apabila penduduknya menghalau Nabi Muhammad saw semasa berdakwah di sana. Selepas beliau dan umat Islam berjaya membebaskan kota Mekah, golongan Bani Tsaqif berkeras tidak mahu tunduk kepada Nabi Muhammad saw. Nabi Muhammad saw dan tentera Islam mara ke Thaif lalu mengepungnya dalam tempoh yang lama. Akhirnya rombongan mereka datang ke Mekah pada bulan Ramadhan tahun ke-9 Hijrah dengan menyerahkan bandar Taif sebagai tanda menyerah kalah. Patung al Laata yang dipuja sebelum ini dimusnahkan.

Pembukaan Andalus (Sepanyol)

Andalus adalah nama Arab yang diberikan kepada wilayah-wilayah bahagian Semenanjung Liberia yang diperintah oleh orang Islam selama beberapa waktu bermula tahun 711 hingga 1492 Masihi. Pada 9 Ramadhan tahun ke-92 Hijrah, panglima Islam bernama Tariq bin Ziyad dihantar pemerintahan Bani Umayyah bagi menawan Andalus. Tariq memimpin armada Islam menyeberangi laut yang memisahkan Afrika dan Eropah. Selepas pasukan tentera Islam mendarat, Tariq membakar kapal-kapal tentera Islam supaya mereka tidak berfikir untuk berundur. Akhirnya Andalus ditawan dan menyelamatkan rakyatnya yang dizalimi. Islam bertapak di Andalus selama 8 abad dan meninggalkan kesan tamadun yang tinggi nilainya kepada dunia barat.

Khalid Bin Al Walid Meruntuhkan Berhala Al 'Uzza

Selepas umat Islam membebaskan kota Mekah, Nabi Muhammad saw menyucikannya dengan memusnahkan 360 patung di sekeliling Kaabah. Lima hari sebelum berakhirnya Ramadan tahun ke-9 hijrah, beliau menghantar Khalid al-Walid bagi memusnahkan patung al 'Uzza di Nakhla. Menurut kepercayaan Arab jahiliyyah, al 'Uzza adalah patung dewi terbesar di situ. Ia sering disebut

Menghormati Bulan Ramadan

Kita hendaklah mengelakkan diri daripada kebiasaan yang boleh merugikan diri kita seperti berbelanja dengan boros, suka berhibur, membuang masa dan bersebangan tentang perkara-perkara yang tidak mendatangkan faedah sebaliknya hendaklah kita menyambut Ramadan dengan azam yang tinggi untuk memperbaikkan ibadat bagi menyucikan jiwa.

Kita hendaklah berusaha menyediakan diri untuk menjaga benih-benih amal yang kita tanam di bulan Ramadan kerana seseorang yang menanam benih jika tidak membaja, menyiram serta memelihara pasti tidak akan mengeluarkan hasil yang baik di masa hadapan.

Kifarah Puasa

Ialah seseorang yang merosakkan puasanya dalam bulan Ramadan dengan jalan melakukan jima' maka ia wajib membayar kifarah (denda) iaitu si suami wajib mengeluarkan kifarah & qada' puasa yang terbatal kerana jima' walaubagaimanapun si isteri tidak wajib mengeluarkan kifarah tetapi wajib qada' puasa yang terbatal.

Kifarah bagi puasa yang batal atau rosak ialah :

- 1) Membebaskan seorang hamba yang beriman
- 2) Jika tiada hamba untuk dibebaskan, wajib ke atasnya berpuasa 2 bulan berturut-turut
- 3) Jika tidak mampu berpuasa, wajib dia memberikan makan 60 orang fakir miskin setiap seorang mendapat secupuk makanan asasi negeri itu.

Peperangan Zallaqah, Portugal

Peristiwa ini berlaku selepas subuh hari Jumaat, bulan Ramadan tahun 459 Hijrah. Ketika itu, berlaku kebangkitan Dinasti Murabit di Afrika Utara. Gabenor Cordova, al-Muktamin meminta bantuan Sultan Dinasti Murabit, Yusuf bin Tasyafin bagi memerangi al-Fonso VI. Tentera Kristian yang diketuai oleh al-Fonso VI yang berjumlah 80,000 tentera berjaya dikalahkan. Dalam masa yang singkat Sultan Yusuf berjaya menguasai seluruh Sepanyol dan menyelamatkan umat Islam. Selepas itu Dinasti Murabit telah memerintah sejak tahun 1090 hingga 1147 Masihi.

Tentera Islam Mengalahkan Tentera Mongol

Sehingga tahun 1405 masih, kaum Mongol telah melebarkan penaklukannya hampir kesemua benua Asia. Dalam misi penaklukan itu, tentera yang diketuai oleh Jeneral Genghis Khan telah membunuh lebih sejuta rakyat negara yang ditakluki. Penaklukan mereka menjangkau hingga ke Moscow dan Kiev. Bermula tahun 1258 Masihi, tentera pimpinan Jeneral Hulagu Khan merempuh kota Baghdad yang menjadi kemegahan Dinasti Abbasiah ketika itu. Dalam serangan itu, ramai umat Islam terbunuhan dan banyak buku karangan sarjana Islam dibuang ke dalam Sungai Furat dan Dajlah sehingga airnya menjadi hitam kerana dakwat. Pada 15 Ramadan 658 Hijrah bersamaan 1260 Masihi, angkatan tentera Islam bangkit membuat serangan balas. Tentera Islam dan para ulama pimpinan Sultan Qutuz dari Dinasti Mamluk, Mesir mara ke Palestin selepas Mongol menguasainya. Kedua-dua pihak bertemu di 'Ain Jalut. Dalam pertempuran itu, tentera Islam meraih kemenangan dan berjaya menawan Kitbuqa Noyen, seorang Leftenan Kristian yang memberi nasihat kepada Hulagu Khan bagi menyerang Bagdad. Kitbuqa akhirnya dihukum bunuh. Kemenangan itu adalah suatu yang luar biasa apabila Mongol yang terkenal dengan keganasan akhirnya kalah kepada tentera Islam.

Peperangan Yakhлиз

Pada 15 Ramadan 1294 Hijrah, bala tentera Islam Dinasti Uthmaniah yang dipimpin oleh Ahmad Mukhtar Basya dengan jumlah 34,000 anggota mengalahkan tentera Rusia yang berjumlah 740,000. Seramai 10,000 tentera Rusia terbunuhan dalam pertempuran itu. Ia menjadi kebanggaan umat Islam mempertahankan agama yang diancam oleh kerajaan Tzar di Rusia.



Tertawannya Garis Bar Lev, Israel

Dalam sejarah moden, berlaku Perang Yom Kippur yang melibatkan tentera Islam pakatan Mesir dan Syria dengan tentera Yahudi Israel pada 10 Ramadhan 1390 Hijrah bersamaan 6 Oktober hingga 22 atau 24 Oktober 1973 Masihi. Perang Yom Kippur, juga dikenali sebagai Peperangan Arab-Israel 1973, Perang Oktober, dan Perang Ramadhan. Ia adalah sebahagian daripada konflik Arab-Israel sejak dari tahun 1948. Pada bulan Jun 1967, berlaku Perang Enam Hari antara Israel dengan Mesir, Syria dan Jordan. Dalam pertempuran itu, Israel berjaya menduduki Bukit Golan, Syria di utara serta Semenanjung Sinai, Mesir di selatan sehingga ke Terusan Suez. Selepas itu, Israel membina barisan pertahanan di Sinai dan Bukit Golan. Pada tahun 1971, Israel memperuntukkan 500 juta dolar Amerika bagi membina kubu

Qada' Puasa Ramadan


Ialah menggantikan puasa yang terbatal pada bulan Ramadan diatas sebab-sebab yang diharuskan berbuka oleh syara'

Hukum Qada' Puasa Ramadan

Wajib menggantikan puasa Ramadan bagi yang membatalkan puasa Ramadannya samaada kerana kezuran ataupun tanpa sebarang kezuran

Firman Allah Ta'ala :

Maksudnya : "(Puasa yang diwajibkan itu ialah) beberapa hari yang tertentu maka sesiapa diantara kamu yang sakit atau dalam musafir (bolehlah ia berbuka) kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak (hari yang dibuka) itu pada hari-hari yang lain dan wajib ke atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tuanya dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin (secupak bagi tiap-tiap satu hari yang tidak dikerjakan puasa) maka sesiapa yang dengan sukarela memberikan (bayaran fidyah) lebih dari yang di tentukan itu maka itu adalah suatu kebaikan baginya dan (walaupun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu (daripada memberi fidyah) kalau kamu mengetahui ". (Surah Al-Baqarah Ayat 184)



dan kerja tanah raksasa yang dinamai Garis Bar Lev sempena nama Jeneral Israel, Haim Bar Lev. Israel bermegah dengan kubu Bar Lev yang didakwa 'tidak dapat ditawan' kerana mempunyai kekebalan dan teknologi peralatan yang canggih. Namun, tentera Islam berjaya menawan kubu itu sekaligus mengalahkan Israel. Antara peristiwa menarik dalam peperangan ini adalah peranan seorang sarjana Islam merangkap sebagai Imam Masjid Bandar Suez al-Marhum, Syeikh Hafiz Salamah yang mengambil alih pimpinan operasi peperangan. Beliau menggantikan jawatan ini apabila gabenor daerah bersedia menyerah kalah. Akhirnya para mujahidin gabungan tentera Mesir, Syria dan penduduk bandar Suez berjaya menggasak tentera Israel yang terpaksa berundur sehingga terpaksa menyerahkan Semenanjung Sinai dan Bukit Golan.

Daripada peristiwa ini, jelas bahawa Ramadan bukan bulan yang menyebabkan umat Islam lemah. Sebaliknya, ia bulan yang menuparkan semangat berjuang untuk melawan musuh sama ada berbentuk dalaman seperti memerangi nafsu atau musuh luaran untuk menghancurkan umat Islam melalui pelbagai teknik dan bentuk penghancuran.



Oleh itu, apabila umat Islam berjaya melawan nafsu, maka mereka akan berjaya melawan musuh yang sentiasa mengancam dari luar. Apabila umat Islam sentiasa memusuhi nafsu jahat, maka mereka akan sentiasa melawan musuh yang memadamkan cahaya Allah swt. Sebaliknya, jika umat Islam tidak mempunyai pertahanan diri yang kukuh dalam melawan nafsu jahat, maka kebanyakan mereka turut tumbang apabila berhadapan dengan serangan musuh. Inilah pentingnya tarbiah pada Ramadan yang mampu melahirkan umat yang bukan saja dapat menahan diri daripada godaan hawa nafsu, malah melatih diri untuk berhadapan dengan musuh di alam nyata.

BIL.	PERISTIWA	TARIKH	STATUS OPERASI
1	Peperangan Badar al-Kubra	17 Ramadhan 2H	Berjaya
2	Menggali Parit Sebagai Persediaan Peperangan Ahzab	Sepanjang Ramadhan 5H	Berjaya
3	Pembukaan Kota Mekah	10 Ramadhan 8H	Berjaya
4	Perjalanan Nabi s.a.w ke Tabuk	Ramadhan	Berjaya
5	Islam sampai di Yaman	Ramadhan 10H	Berjaya
6	Khalid Bin Al Walid Meruntuhkan Berhala Al 'Uzza	25 Ramadhan 9H	Berjaya
7	Penyerahan Bandar Thaif	Ramadhan 9H	Berjaya
8	Perbukaan Andalus (Sepanyol)	9 Ramadhan 92H	Berjaya
9	Peperangan Zallaqah, Portugal	Ramadhan 459H	Berjaya
10	Tentera Islam Mengalahkan Tentera Mongol	15 Ramadhan 658H	Berjaya
11	Peperangan Yakhлиз	15 Ramadhan 1294H	Berjaya
12	Tertawannya Garis Bar Lev, Israel	10 Ramadhan 1390H	Berjaya

Jadual kejayaan Islam berdasarkan peristiwa dan siri peperangan dalam bulan Ramadan

Melihat kepada peristiwa dan siri peperangan yang berlaku dalam bulan Ramadan memperlihatkan hubungan puasa dengan kerja amat rapat sekali. Puasa bukanlah penghalang kepada kemajuan dan produktiviti negara, malah jika diteliti secara mendalam puasa sebenarnya akan menjadikan umat Islam lebih efektif, berdaya saing dan berketrampilan dalam pelbagai aspek termasuk dalam perkara yang melibatkan jasmani dan kekuatan tenaga. Semua ini adalah bergantung kepada kekuatan keimanan yang cukup yakin dengan janji-janji Allah swt berdasarkan kepada pegangan aqidah yang mantap.

Fidyah

Ialah bayaran denda dengan memberi makan orang miskin (secupuk bagi tiap-tiap satu hari yang tidak dikerjakan puasa) dengan sebab-sebab tertentu atau mengakhirkan qada' Ramadan tanpa uzur sehingga Ramadan yang berikutnya datang lagi. Satu cupuk bersamaan dengan 620 gram.

Hukum Fidyah

Wajib di keluarkan berdasarkan Firman Allah Ta'alā :

Maksudnya : "(Puasa yang diwajibkan itu ialah) beberapa hari yang tertentu maka sesiapa diantara kamu yang sakit atau dalam musafir (bolehlah ia berbuka) kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak (hari yang dibuka) itu pada hari-hari yang lain dan wajib ke atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tuanya dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin (secupuk bagi tiap-tiap satu hari yang tidak dikerjakan puasa) maka sesiapa yang dengan sukarela memberikan (bayaran fidyah) lebih dari yang di tentukan itu maka itu adalah suatu kebaikan baginya dan (walaupun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu (daripada memberi fidyah) kalau kamu mengetahui ". (Surah Al-Baqarah Ayat 184)

Sebab-sebab Wajib Fidyah

- 1) Tidak mampu melakukan ibadah puasa
- 2) Sakit yang tidak mampu untuk sembuh
- 3) Perempuan hamil atau menyusukan anak iaitu jika berpuasa mendatangkan mudharat kepada anak yang dikandung dan boleh mengurangkan air susu
- 4) Mengakhirkan qada' Ramadan tanpa uzur sehingga Ramadan yang berikutnya datang lagi.

Ramadan di Perantauan

Oleh: Ahmad Fadzil bin Mohamad

Alhamdulillah, terlebih dahulu pihak kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada UTeM khasnya kepada Pejabat Pendaftar kerana sudi memberi ruang dan peluang kepada kami untuk bercerita dan berkongsi serba ringkas pengalaman mengerjakan ibadah puasa di perantauan. InsyaAllah, moga-moga dengan adanya ruangan perkongsian ilmu seperti ini dapat meningkatkan lagi jalinan ukhwah dan penghayatan kita di dalam bulan Ramadan ini.

1 Ramadan kembali lagi. Alhamdulillah, syukur kepada Allah kami diberi peluang sekali lagi menempuhnya. Ramadan di perantauan ternyata amat berbeza pengalamannya. Bukan dari segi niat atau tertibnya tetapi lebih kepada sambutan dan pengertiannya. Alasannya cukup mudah, kerana Ramadan kali ini disambut 4000 kilometer jauh dari tanah air yang tercinta.

Pertama kali menyambut Ramadan di Auckland, New Zealand, perasaan sedih dan sebak tidak dapat dipisahkan kerana jauh dari keluarga tercinta. Sayu hati tatkala mendengar lagu Dendang

Perantau dan Balik Kampung, seperti terasa banyak kekurangan menyambut Ramadan yang mulia. Tahun ini juga memberi pengalaman kali ketiga kepada kami sekeluarga berpuasa di negara asing. Hanya lokasi sahaja berbeza di Melbourne, Australia. Perasaan sebak dan rindukan keluarga di Malaysia hadir kembali.

"Hujan emas di negeri orang, Hujan batu di negeri sendiri, Baik lagi negeri sendiri". Pepatah ini sangat sesuai diaplikasikan pada saat-saat ini. Walaupun, kami akan berpuasa pada musim sejuk yang kurang membuatkan kami dahaga dan penat serta berpuasa dalam jangkamasa yang pendek dari tempoh berpuasa di Malaysia, namun suasana bersahur dan berbuka puasa bersama ibu bapa dan adik-beradik tercinta tidak kami rasai. Di sini juga, tiada bazar Ramadan yang memberi peluang kepada kami memilih aneka juadah berbuka puasa. Tiada ondeh-ondeh, nasi kerabu, kuih talam, air tebu, sate dan lain-lain. Sekiranya ada bazar juadah yang dibuat oleh pihak tertentu, harga mereka tersangatlah mahal dengan rasa yang tidak seperti di Malaysia.



Ahmad Fadzil (kiri) sedang cuti tanpa gaji kerana mengikuti isterinya yang sedang cuti belajar di Swinburne University of Technology, Australia

Amalan-amalan yang digalakkan semasa bulan Ramadan

1. Membaca al-Quran: Nabi SAW menceritakan bahawa Jibril a.s membacakan al-Quran setiap tahun sekali pada bulan Ramadan dan pada tahun kewafatan Baginda mengkhatakan al-Quran sebanyak 2 kali. (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Imam Syafi'e r.a mengkhatakan al-Quran sebanyak 60 kali dalam bulan Ramadan dan beliau membacanya di luar solat. Ini bermakna Imam Syafi'e mengkhatakan al-Quran sebanyak 2 kali sehari.


2. Qiamullail: Rasulullah SAW bersabda : "Sesiapa yang bangun (solat) pada bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharap pahala maka diampunkan baginya dosa-dosa yang telah lalu" (Riwayat Bukhari dan Muslim)

3. Bersedekah: Ibnu Abbad r.a berkata, Rasulullah SAW adalah manusia yang sangat pemurah dan Baginda akan menjadi lebih pemurah pada bulan Ramadan. Dan Baginda lebih pemurah dalam kebaikan daripada angin yang kencang. (Riwayat Bukhari)

Justeru, tiada program-program yang berunsurkan amalan dan ibadah di bulan Ramadan di media televisyen. Paling menyediakan juga, tiada azan dan tadarus berkumandang di masjid atau televisyen. Solat terawih juga dijalankan di rumah-rumah atau ruang kecil yang disediakan oleh pihak universiti. Kami perlu mengambil inisiatif sendiri untuk mengadakan solat terawih berjemaah sesama sendiri. Walaupun, prosesnya nampak sukar, tapi kami sangat menghargai waktu-waktu ini kerana dapat merapatkan ukhwah dan silaturrahim sesama sendiri.

Sungguhpun sambutan Ramadan dalam serba kekurangan, tetapi pengalaman yang kami perolehi amat berharga. Contohnya, pengalaman membuat kuih dan masakan tradisional yang hanya dibeli sekiranya di Malaysia, pengalaman berbuka bersama kawan-kawan pada setiap hujung minggu, pengalaman membuat kuih raya beramai-ramai dengan dendangan lagu-lagu raya dan pengalaman bersolat terawih berimamkan imam dari negara Arab ataupun Asia Tengah.

Secara keseluruhannya, walaupun Ramadan disambut dalam keadaan sederhana, namun kami tetap berusaha untuk menghayati dan memperolehi kemanisan di bulan yang mulia ini. Diharapkan segala amalan kami diterima dan diberkati oleh Allah SWT.



Berbuka puasa di luar bersama rakan-rakan

4. Menjaga lidah dan mengurangkan kata-kata dusta: Rasulullah SAW bersabda: "Barang siapa yang tidak meninggalkan percakapan dusta dan terus mengamalkan, maka Allah tidak berhajat agar dia meninggalkan makaman dan minumannya (yakni puasa). (Riwayat Bukhari)

Rasulullah SAW bersabda: "Jika seseorang itu berpuasa, janganlah dia melakukan Rafath (melakukan perkara membangkitkan nafsu) dan janganlah bergaduh, sekiranya seseorang mencaci atau memusuhiinya maka hendaklah dia berkata "Sesungguhnya aku berpuasa! Sesungguhnya aku berpuasa!". (Riwayat Muslim)

5. Doa, Berzikir dan Beristighfar : Ketika hampir berbuka. Rasulullah s.a.w menyebut tiga doa yang tidak ditolak antaranya ialah orang yang berpuasa sehingga dia berbuka. (Riwayat al-Tirmidzi)

Pengalaman Berpuasa Nurlisa Loke Abdullah

Ramadan bakal berkunjung lagi. Tidak lama lagi umat Islam akan berpuasa. Tiba-tiba aku teringat kembali pengalaman berpuasa kali pertama.

Aku memang ramai kawan Melayu di bangku sekolah. Walau bagaimanapun tidak pernah terlintas di hatiku yang aku akan berpuasa seperti rakan-rakanku. Seingat aku pada waktu kecil, aku seringkali bertanya-tanya pada diriku, mengapa orang Islam sanggup "berlapar" selama sebulan. Namun aku tidak pernah cuba mengambil tahu secara mendalam tentang berpuasa sehingga akhirnya memeluk Islam ketika aku berusia 22 tahun. Pada ketika itu aku tidak berasakan sukar untuk berpuasa kerana pada ketika itu aku sedang mengikuti pengajian sarjana muda di United Kingdom di mana aku berpuasa pada musim sejuk yang siangnya jauh lebih pendek daripada malam hari. Pada pukul 4 petang langit sudah gelap. Keadaan yang sejuk juga memudahkan aku belajar berpuasa. Alhamdulillah aku mampu menjalani ibadah puasa dengan jayanya.

Apabila tamat pengajian, aku pun pulang ke tanah air. Keadaan berpuasa sangat berbeza di Malaysia dan United Kingdom. Rintangan yang paling sukar kuhadapi adalah cuaca terik menyebabkan aku lesu. Teringat aku satu kisah di mana pada suatu hari, aku berjanji untuk berbuka puasa di rumah iparku yang tinggal di tingkat 14 di sebuah apartment di Kuala Lumpur. Aku telah berjanji akan sampai pada pukul 3 petang supaya aku boleh membantunya menyiapkan juadah berbuka. Alangkah terkejutnya aku pada hari itu kerana semua lif telah rosak. Pihak pengurusan memberitahu lif hanya dapat dibaiki dalam masa seminggu. Ya Allah betapa besarnya ujianmu padaku hari itu. Demi janjiku pada iparku, aku gagahkan diriku untuk memanjat tangga sehingga ke tingkat 14. Sesampai sahaja aku dirumahnya, aku terduduk. Penat sungguh aku pada ketika itu.



oleh: Nurlisa Loke binti Abdullah

Aku bersyukur kerana menemui jalan Allah yang banyak mengajarku tentang indahnya kehidupan. Kini aku melihat berpuasa adalah penawar dan bukannya racun.

dan waktu berbuka lambat lagi. Alhamdulillah aku berjaya menahan diri. Aku bersyukur aku dapat melepas ujian itu. Aku tidak berbuka sehingga tiba waktunya.

Dahulu aku menjalani ibadah berpuasa tanpa banyak penghayatan tetapi hanya melakukannya kerana ia adalah tuntutan Islam tetapi perjalanan hidup sebagai seorang Islam yang menghampiri 15 tahun, kini aku melihat puasa dari perspektif yang berbeza. Aku dulu berasa skeptikal tentang berpuasa kerana aku takut ia akan memudaratkan aku kerana aku mengidap penyakit gastritis yang kronik. Saban tahun aku berpuasa tetapi tidak pula mendapat sakit gastritis dan "keajaiban" itu mengubah persepsi aku tentang berpuasa. Bukan itu sahaja, apabila aku berpuasa, aku juga dapat mengurangkan alahan yang sering melanda aku. Pantang silap makan, kulit aku akan menjadi merah dan gatal.

Menjalani ibadah berpuasa tidak sukar buatku kerana disokong oleh keluargaku. Walaupun keluargaku bukan beragama Islam, mereka tidak pernah membangkang dan mengatakan berpuasa itu tidak bagus. Malah ibu dan ayahku sangat menghormati diriku dan keluargaku yang berpuasa. Ayahku akan membelikan juadah berbuka puasa jika aku berbuka puasa di rumahnya. Penerimaan ibu dan ayahku memudahkan perjalanan hidupku sebagai seorang Islam.

Kini aku mempunyai anak-anak yang memerlukan aku untuk mendidik mereka untuk berpuasa. Sukarnya tugas untuk mendidik kerana pengalaman berpuasaku berbeza daripada mereka yang memang dilahirkan sebagai seorang Islam. Aku kasihan melihat anak-anakku keletihan berpuasa. Aku bersyukur suami membantu mendidik anak-anak untuk belajar berpuasa.

Aku bersyukur kerana menemui jalan Allah yang banyak mengajarku tentang indahnya kehidupan. Kini aku melihat berpuasa adalah penawar dan bukannya racun.

Selamat Menjalani Hadab Pua.

Maaf Z

DARI

UTem STAF PEJABAT PENDAFTAR

TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Selamat Hari Raya Aidilfitri
Sabin & Batin
PADA
KEPADA WARGA UNIVERSITI

Asalam
Idilfitri



Berpuasa Ketika Hamil

Oleh: Noor Izwanni binti Amil

Kehadiran cahaya mata adalah sesuatu yang dinantikan oleh setiap pasangan tidak kira sama ada ia adalah cahaya mata pertama mahupun yang kelima. Pengalaman ketika hamil juga merupakan satu pengalaman yang indah bagi si ibu apabila dapat merasakan denyut nadi dan pergerakan si bayi, juga pengalaman yang mengujakan kepada si bapa kerana ketika itu lah dapat merasakan tendangan manja si bayi dari rahim ibu.

Dalam menjalani ibadah puasa ini saya percaya ada ibu yang sedang hamil sedang berkira-kira sama ada mampukah dia bertahan untuk berpuasa sepanjang hari. Cukupkah nutrisi untuk si bayi jika dia berpuasa?

Saya telah berpeluang merasai pengalaman hamil anak kedua ketika di bulan Ramadan dan pada ketika itu juga berada di perantauan dan sejurnya saya hanya mampu berpuasa selama 5 hari sepanjang Ramadan kerana mengalami alahan yang agak teruk yang mungkin juga disebabkan cuaca pada ketika itu agak sejuk. Ketika itu juga saya baru berada di trimester pertama dan jika diikutkan sejarah kehamilan anak pertama, saya juga mengalami alahan. Saya tidak memaksa diri untuk berpuasa kerana sedar akan bahaya kepada diri dan juga bayi sekiranya saya meneruskan berpuasa, kemungkinan akan berlakunya risiko dehidrasi.



Antara simptom yang perlu diberi perhatian semasa berpuasa adalah seperti berikut:

1. Pening kepala, pengsan, lemah atau letih. Berehat selama setengah jam untuk kembali sihat dan jika tiada perubahan, hubungi doktor anda.
2. Loya atau mula muntah.
3. Terdapat perubahan ketara pada pergerakan bayi. Jika bayi anda tidak bergerak atau kurang menendang, amat penting untuk anda menghubungi doktor anda.
4. Berasa sangat dahaga atau air kencing anda berwarna gelap dan berbau kuat. Ini adalah tanda-tanda penyah-hidratan.
6. Mengalami kesakitan seakan-akan sakin bersalin. Ini mungkin tanda kelahiran pramatang dan anda perlu hubungi doktor anda dengan segera.
7. Berat badan tidak bertambah atau berat badan anda berkurangan.
8. Sakit kepala atau mengalami kesakitan lain atau demam.

(sumber: www.babycenter.com.my)

Sekiranya ibu hamil ingin berpuasa, bersahur adalah sangat penting dan pastikan makanan yang diambil boleh memberi tenaga sepanjang hari seperti:

1. Nasi beras perang dan roti bijian penuh dengan kari atau kurma cair;
2. Bijirin berserat tinggi atau bran dengan susu skim rendah lemak; dan,
3. Buah-buahan termasuk buah kurma dan pisang.
4. Elakkan meminum teh semasa sahur kerana ia boleh membuat anda ternyahhidrat.

(sumber: www.babycenter.com.my)

Ibu yang sedang bekerja perlu memaklumkan kepada ketua tentang keadaan diri supaya ketua berkenaan faham dan memberi sedikit kelonggaran ketika Ramadan dengan tidak memberikan tugas yang memerlukan terlalu banyak pergerakan.

Sebenarnya terpulang kepada ibu itu sendiri dengan keyakinan kekuatan tubuh badan serta kepentingan kepada sendiri dan Islam sendiri memberikan kelonggaran kepada ibu-ibu mengandung dan juga yang meyusukan anak untuk tidak berpuasa tetapi jangan lupa untuk menggantikannya ya!

Puasa Yang-Yok

Oleh: Mohd Hairull bin Abdolah



Masa zaman kanak-kanak, sebut je esok dah mula berpuasa, mesti rasa macam tak best. Mana taknye..sebulan puasa tue...lamanye..dah terbiasa ada bekalan setiap pagi ke sekolah tiba-tiba terus takde sebulan...hurm...sedih..

Pengalaman berpuasa aku bermula seawal umur 7 tahun. Masa tue memang kena paksalah oleh mama dan abah dan yang bestnya siap dapat upah lagi kira macam hadiah duit hari raya lah satu hari RM1.00, masa tu nilai RM1.00 memang besar bagi aku, macam-macam boleh beli masa raya..apa lagi kalau bukan bunga api dan main tikam-tikam.

Bila tiba je waktu nak ke sekolah rendah sesi pagi badan kira bertenaga lagi lah. Boleh pula aku main kejar-kejar (masa tu tak de permainan lain), sampai letih jugalah. Masuk waktu rehat kantin di sekolah tu boleh pulak berniaga waktu bulan puasa. Apa lagi,

Aku : Makcik...saya nak beli air sirap satu..gelas besau tau.

Makcik Kantin : Ko tak puasa ke nak?

Aku : Puasa tapi...haus sangat ni..

Habis minum air sirap...pehh segar bugar kembali badan aku..sampai lah waktu balik sekolah dalam pukul 1.00 petang. Dengan cuaca yang panas terik boleh pula aku singgah ke kedai depan taman beli ais krim "ice-pop" sebab kehausan. Terpaksa habiskan sebelum sampai rumah, nanti takut mama marah sebab ponteng puasa.

Lepas aku dah habiskan ais krim, aku pun berjalan menuju ke rumah yang sejauh 100 meter dari kedai. Sampai sahaja mama berkata,

Mama : Adik puasa tak hari ni?


Dengan bangga aku berkata kepada mama

Aku : Puasa lah mama...letih sangat cuaca panas lah...adik tak tahan tadi tengok kawan-kawan makan masa rehat tadi.

Mama: Dah tu adik makan tak?

Aku : tak makanlah mana.. kan adik puasa.... (jawab dengan suara keletihan).



Al-kisahnya zaman kanak-kanak memang seronok, susah kita nak lupa..bila tiba sahaja bulan ramadhan pasti aku akan teringat kisah ponteng puasa dan ayat yang biasa kita dengar "Puasa yang-yong, bangun pagi buka piuk"...



Pelaksanaan Peperiksaan Perkhidmatan Staf Di UTeM Secara ‘Open Book’

Oleh: Azrina binti Alwi

Sebagai salah sebuah Badan Berkanun, UTeM tidak tertepas dari mengenakan syarat-syarat perkhidmatan ke atas staf yang masih dalam tempoh percubaan 1 hingga 3 tahun bagi tujuan pengesahan ke dalam perkhidmatannya. Merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, Skim Perkhidmatan bagi setiap jawatan di UTeM dan Pekeliling Pentadbiran Bil. 22 Tahun 2005, salah satu syarat umum yang perlu dipenuhi sebelum layak dipertimbangkan pengesahan dalam perkhidmatan adalah menduduki dengan jayanya Peperiksaan Perkhidmatan Staf.



Maka, bagi tahun 2012, setelah silibus Peperiksaan Perkhidmatan disemak semula, Jawatankuasa Peperiksaan Perkhidmatan Staf UTeM bersetuju dengan konsep ‘Open Book Test’ untuk dilaksanakan pada Peperiksaan Perkhidmatan Staf Bil. 1/2012 yang berlangsung pada 31 Mei 2012 sehingga 7 Jun 2012.

Zakat Fitrah


Zakat fitrah juga dikenali sebagai zakat badan, kerana ia diwajibkan oleh Allah SWT bagi setiap individu Muslim tanpa mengira sama ada kecil, dewasa, lelaki, wanita, merdeka ataupun hamba. Selagi mana mereka dapat hidup pada dua masa, yakni Ramadan dan Syawal walaupun sebentar, maka wajiblah zakat fitrah ke atas mereka.

Firman Allah SWT :

Aambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu (Muhammad) itu menjadi ketenteraman bagi mereka dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui”


(Surah At-Taubah (09), ayat 103)

Ibnu Umar telah berkata bahawa Rasulullah SAW telah memerintahkan dan mewajibkan zakat fitrah pada bulan Ramadhan sebanyak satu sa’ kurma atau satu sa’ gandum ke atas setiap orang yang merdeka, hamba lelaki atau perempuan, besar atau kecil dari kaum Muslimin.
(Riwayat Bukhari dan Muslim)



Perbandingan Peratusan Keputusan Peperiksaan Perkhidmatan Staf Bil. 2/2011 dan Bil. 1/2012

Peperiksaan Perkhidmatan Staf Bil. 2/2012 akan dilaksanakan bermula 18 September 2012 sehingga 27 September 2012 dan ia juga menggunakan konsep "Open Book Test".



Berkaitan dengan itu, Pejabat Pendaftar telah menyediakan kemudahan menduduki peperiksaan sebanyak dua kali setahun bagi 10 kategori staf yang merangkumi 23 kertas peperiksaan. Kertas soalan telah disediakan oleh penggubal yang dicalonkan oleh setiap Ketua Pusat Tanggungjawab bagi kertas peperiksaan yang berkaitan dengan bidang tugas calon yang menduduki peperiksaan terutama bagi Peperiksaan Kertas Jabatan Teori dan Amali. Pada masa yang sama, kertas soalan bagi tajuk-tajuk umum seperti Pengurusan Universiti, Syarat Pentadbiran, Syarat Perkhidmatan dan Peraturan Kewangan disediakan oleh penggubal yang dilantik berdasarkan bidang kepakaran penggubal oleh Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Staf UTeM. Markah lulus peperiksaan ini adalah Berdasarkan Mesyuarat Pengesahan Bilangan 1 Tahun 2011, iaitu 50 markah selaras dengan markah lulus yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Statistik keputusan Peperiksaan Perkhidmatan Bil. 1/2012 menunjukkan peratusan calon yang lulus dengan cemerlang meningkat dari 19 peratus kepada 24 peratus.

5 Waktu mengeluarkan zakat fitrah pada bulan Ramadan:

Wajib:

Mulai terbenam matahari akhir 30 Ramadan sehingga terbit matahari esoknya

Paling Afodal:

Sebelum Solat Sunat Hari Raya Aidilfitri

Sunat:

Sepanjang bulan Ramadan

Makruh:

Selepas Solat Sunat Hari Raya sehingga terbenam matahari pada 1 Syawal

Haram:

Selepas terbenam matahari pada 1 Syawal; hukumnya berdosa tetapi wajib ditunaikan segera zakat fitrah dan pada waktu itu ia dikira gada'. Sekiranya masih dilengahkan, maka akan bertambahlah dosanya

Ibnu Abbas menyatakan:

"Rasulullah SAW telah mewajibkan zakat fitrah, untuk membersihkan orang yang berpuasa daripada ucapan yang tidak ada manfaatnya dan kata-kata yang kotor, serta untuk memberikan makanan kepada orang-orang miskin." (riwayat Abu Daud)

Rasulullah SAW telah bersabda:

"Barang siapa diantara kalian mampu berlindung dari Neraka walau hanya dengan saparuh kurma, maka hendaklah ia melakukannya (bersedekah). (Riwayat Muslim)

Staf Naik Pangkat....Akademik

Oleh: Amirul Rasyid bin Mohamad

Pensyarah Kanan (DS52)

Dr. Kasrul Bin Abdul Karim
 Dr. Mohd Luqman Bin Mohd Jamil
 Ir. Dr. Md Nazri Bin Othman
 (Fakulti Kejuruteraan Elektrik)

Dr. Low Yin Fen
 Dr. Nor Zaidi Bin Haron
 Engr. Zulkifli Bin Shariff
 (Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan
 Kejuruteraan Komputer)

Dr. Ahmad Anas Bin Yusof
 Dr. Mohd Fadzli Bin Abdollah
 Dr. Sivakumar A/L Dhar Malingam
 Dr. Tee Boon Tuan
 Mohd Afzanizam Bin Mohd Rosli
 (Fakulti Kejuruteraan Mekanikal)

Abdul Rahim Bin Samsudin
 Dr. Isa Bin Halim
 Dr. Mohd Hadzley Bin Abu Bakar
 Dr. Raja Izamshah Bin Raja Abdullah
 Dr. Seri Rahayu Binti Kamat
 (Fakulti Kejuruteraan Pembuatan)

Dr. Ahmad Naim Bin Ghee Pee @ Che Hanapi
 Dr. Anusuriya A/P Devaraju
 Dr. Norzihani Binti Yusof
 Dr. Sabrina Binti Ahmad
 Dr. Shekh Faisal Bin Abdul Latip
 Dr. Zuraida Binti Abal Abas
 Hidayah Binti Rahmalan
 (Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi)

Dr. Shahruhanuar Bin Mohamed
 Indra Devi A/P M.Subramaniam
 (Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan)

Dr. Chew Boon Cheong
 (Fakulti Pengurusan Teknologi dan Tekno-Usahawan)

Profesor Madya (DS54)

Dr. Syed Najmuddin Bin Syed Hassan
 Rosli Bin Saadan
 (Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan)

Malam Lailatul-Qadar

Malam Lailatul-Qadar sunat dicari, kerana malam ini merupakan suatu malam yang diberkati serta mempunyai kelebihan dan diperkenankan doa oleh Allah S.W.T. Malam Lailatul-Qadar adalah sebaik-sebaik malam mengatasi semua malam termasuk malam Jumaat. Allah S.W.T. berfirman dalam Surah Al-Qadr 97: Ayat 3.

Maksudnya: "Malam Lailatul - Qadar lebih baik daripada seribu malam."

Ertinya menghidupkan malam Lailatul-Qadar dengan mengerjakan ibadah adalah lebih baik daripada beribadah pada seribu bulan yang tidak ada Lailatul-Qadar seperti sabda Nabi SAW:

Maksudnya: "Sesiapa menghidupkan malam Lailatul-Qadar kerana beriman serta mencari pahala yang dijanjikan akan mendapat pengampunan daripada dosa-dosa yang telah lalu."

(Riwayat Bukhari, Muslim, Nasai dan Ahmad)

Diriwayatkan daripada Sayyidatina Aisyah r.a bahawa Rasulullah SAW apabila tiba 10 hari terakhir bulan ramadan, Baginda menghidupkan malam-malamnya dengan membangunkan isi rumah dan menjauhi daripada isteri-isterinya. Imam Ahmad dan Muslim meriwayatkan:

Maksudnya: "Rasulullah SAW berusaha sedaya upaya dalam malam-malam sepuluh akhir Ramadan melebihi usahanya daripada malam-malam lain."

Staf Naik Pangkat....Bukan Akademik

Oleh: Amirul Rasyid bin Mohamad

Pegawai Belia & Sukan Kanan (Memangku) (S48)

Ishak Bin Amin
(Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Timbalan Bendahari Kanan (Memangku) (W52)

Noraini Bint Zabidin
(Pejabat Bendahari)

Timbalan Ketua Pustakawan (Memangku) (S48)

Azman Bin Hj Ayup
(Perpustakaan)

Timbalan Pendaftar (N48)

Affindi Bin Abu Bakar
(Pejabat Pendaftar)

Juruteknik Kanan (Awam) (J22)

Mohd Khairul Akmal Bin Mohd Noor
(Pejabat Pembangunan)

Ketua Penolong Pendaftar (N44)

Akmal Bin Abdul Manap
(Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi)

Mohd Shahar Bin Akashah
(Perpustakaan)

Juruteknik Kanan (Elektrik) (J22)

Azhan Bin Abdul Raub
(Fakulti Teknologi Kejuruteraan)

Norfazlizah Binti Mat Sapar
(Fakulti Kejuruteraan Elektrik)

Juruteknik Kanan (Mekanikal) (J22)

Razmi Bin Razak
(Fakulti Kejuruteraan Mekanikal)

Juruteknik Kanan (Pembuatan) (J22)

Muhammad Azwan Bin Abdul Kadir
(Fakulti Kejuruteraan Pembuatan)

Pembantu Akauntan Kanan (W22)

Faizal Amir Bin Abdul Aziz
(Pejabat Bendahari)

Pembantu Tadbir Kewangan (W22)

Siti Hajar Binti Abd Latiff
(Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi)

Pembantu Perpustakaan Kanan (S22)

Jumakyah Binti Yacoob
(Perpustakaan)

Pemandu Kenderaan Kanan (R6)

Mohamad Laily Bin Ja'aman
(Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Malam Lailatul-Qadar berlaku pada 10 akhir daripada malam ganjil bulan Ramadan. Rasulullah SAW bersabda: Maksudnya: "Carilah malam Lailatul-Qadar pada sepuluh akhir bulan Ramadan" (Muttafaqun 'alaihi)

Pendapat yang terkuat mengikut para ulama' bahawa malam Lailatul-Qadar terkena pada malam 27 Ramadan. Menurut Abu Ka'ab katanya, "Demi Allah sesungguhnya Ibn Mas'ud telah meyakinkan bahawa malam Lailatul-Qadar jatuh dalam bulan Ramadan manakala Lailatul-Qadar pula terjatuh pada malam 27, akan tetapi dia enggan memberitahu kepada kami (malam yang tepat) kerana bimbangkan kamu tidak lagi berusaha mencarinya." Daripada Riwayat Mu'awiyah:

Riwayat ini disokong oleh pendapat Ibn Abbas yang mengatakan bahawa surah Al-Qadr mempunyai 30 perkataan. Perkataan yang ke-27 bagi surah itu terjatuh kepada dhamir(hia) yang kembali kepada Lailatul-Qadar.



PROFESOR MADYA ROSLI BIN SAADAN

Syukur Alhamdulillah di atas limpah kurniaNya atas rezeki yang diberikan. Kejayaan ini tidak akan tercapai tanpa sokongan Dekan, rakan sekerja dan keluarga. Jutaan terima kasih kepada semua pihak yang banyak membantu serta memberi sokongan. Semoga kejayaan ini akan menjadi motivasi untuk saya terus gigih berusaha meningkatkan mutu kerja ke arah perkhidmatan yang lebih cemerlang.



MOHD SHAHAR BIN AKASHAH

Syukur Alhamdulillah, kehadrat Ilahi, atas limpah dan kurniaNya. Ini adalah tanggungjawab yang perlu dipikul dan sebagai hamba Allah, saya akan berserah kepada Allah di samping berusaha lebih gigih.

Semua ini adalah kejayaan bersama-sama semua staf di bawah seliaan saya khasnya dan semua staf di Perpustakaan amnya. Kini, saya memerlukan kerjasama semua staf di Pejabat Pendaftar dan terutamanya Bahagian Pengurusan Organisasi untuk bersama-sama melaksanakan tanggungjawab ini.

Terima kasih juga kepada ibu tersayang, isteri, anak-anak, rakan-rakan dan paling utama ialah pengurusan Universiti yang memberi kepercayaan kepada saya menjawat jawatan ini untuk bersama-sama membangunkan UTeM terus menuju kecemerlangan.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

RAZMI BIN A RAZAK

Assalamualaikum wrt wbt dan salam sejahtera. Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, saya telah dinaikkan pangkat sebagai Juruteknik Kanan di FKM. Terima kasih tidak terhingga kepada rakan-rakan di fakulti yang telah banyak membantu saya selama berkhidmat di FKM. Tempoh 10 tahun bukanlah satu tempoh yang singkat. Pelbagai cabaran dan pengalaman telah saya perolehi sepanjang menjalankan tugas di FKM. Tidak lupa juga ucapan setinggi penghargaan kepada Pengurusan FKM dan pihak Pengurusan Makmal FKM kerana telah memberi kepercayaan penuh kepada saya untuk memegang jawatan ini. Akhir kata, saya mengharapkan kerjasama berpasukan yang tinggi daripada rakan-rakan staf makmal FKM agar dapat melicinkan lagi tugas yang diberikan. Sekian, terima kasih.



Imam Ahmad telah meriwayatkan sebuah Hadith daripada Ibn Umar r.a yang berbunyi:

Maksudnya: "Sesiapa yang mencari Lailatul-Qadar, ia hendaklah mencarinya pada malam yang ke-27, carilah kamu malam Lailatul-Qadar pada malam yang ke-27."

Aisyah r.a bertanya kepada Rasulullah, katanya, "Ya Rasulullah SAW, andainya aku mendapati malam Lailatul-Qadar, apakah doa yang patut aku bacakan? Rasulullah s.a.w. berdoa dengan doa:

اللَّهُمَّ إِنِّي عَفْوٌ، تُحِبُّ الْعَفْوَ، فَاعْفُ عَنِّي

Maksudnya: "Ya Allah! Sesungguhnya Engku Maha Pengampun, oleh itu berilah keampunan-Mu untukku."

SITI HAJAR BINTI ABD LATIFF

Assalamualaikum. Saya berasa bersyukur kerana diberi peluang untuk merakamkan terima kasih kepada universiti di atas lantikan ini. Sesungguhnya apa yang saya perolehi ini adalah satu anugerah yang berupa pengiktirafan di mana saya rasa amat bersyukur dan muhasabah diri bahawa dengan kenaikan pangkat kepada tahap yang sememangnya tidak pernah diimpikan sebelum ini membuatkan saya terasa bahawa tanggungjawab yang diamanahkan amat mencabar dan seharusnya ditatang dengan penuh rasa tanggungjawab.

Bagi saya tanggungjawab dan amanah yang diberi merupakan cabaran dan ujian Allah kepada kita di dunia yang sementara ini. Pokoknya, kita seharusnya bersyukur dan banyak mengingati Allah SWT dalam apa sahaja pekerjaan kita. Berjaya kita adalah atas kehendakNya, begitu juga gagal kita adalah juga kehendakNya. Oleh itu, kita seharusnya menerima semua itu dengan penuh kesyukuran.

Kepada pihak pengurusan Universiti, pengurusan di PTJ saya sekarang, FTMK, dan rakan-rakan sekerja di FTMK khasnya dan di UTeM amnya, tanpa anda siapalah saya pada hari ini. Saya mengharapkan kerjasama yang tidak berbelah bahagi daripada semua pihak untuk membantu saya melaksanakan tugas-tugas baru yang pastinya amat mencabar.



DR. NOR ZAIDI BIN HARON

Bersyukur saya kepada Allah SWT dengan izinNya dapat saya menamatkan pengajian kedoktoran dan sekaligus dinaikkan pangkat ke Pensyarah Kanan DS52. Perjalanan yang penuh liku dan ranjau lebih 4 tahun di Belanda telah sama-sama dilalui bersama isteri dan anak-anak yang banyak berkorban demi kejayaan saya. Terima kasih juga buat Dekan, rakan-rakan fakulti dan staf Unit Cuti Belajar UTeM yang turut membantu.

Tanda-tanda Malam Lailatul Qadar

1. Daripada Ibnu Abbas r.a bahawa Rasulullah SWA telah bersabda: "Dia adalah malam yang indah, sejuk, tidak panas, tidak dingin, di pagi harinya matahari terbit dengan cahaya merah yang tidak terang. (Riwayat Ibnu Khuzaimah : dinilai Sahih oleh Al-Albani)
2. Daripada Jabir bin Abdullah r.a bahawasanya Rasulullah SAW telah bersabda: "Sesungguhnya aku melihat Lailatul Qadar kemudian aku melupakannya, Lailatul Qadar turun pada 10 akhir Ramadan iaitu malam yang terang, tidak dingin dan tidak panas serta tidak turun hujan. (Ibnu Khuzaiman dan Ibnu Hibban dinilai Sohih)
3. Daripada Ubay bin kaab bahawasanya Rasulullah SAW telah mengkhabarkan kepada kami : "Sesungguhnya Matahari terbit pada hari itu dalam keadaan tidak terlalu terik sinaranya." (Riwayat Muslim)
4. 'Ubudah bin Shomit r.a sesungguhnya Rasulullah SAW telah bersabda: "Sesungguhnya alamat Lailatul Qadar adalah malam yang cerah dan terang seakan-akan nampak di dalamnya bulan terang bersinar; suasana yang tenang, tidak dingin dan tidak panas. Haram bagi binatang-binatang melempar pada malam itu sehingga subuh. Sesungguhnya antara tanda-tanda Lailatul Qadar adalah matahari terbit dalam keadaan tenang, tidak tersebar sinaranya seperti bulan purnama, haram bagi syaitan keluar bersama (terbit matahari) pada hari itu." (Riwayat Ahmad, Al-Haitsami berkata perawinya Thiqah)
5. Dari Ibnu Umar r.a, Nabi SAW telah bersabda: "Carilah di sepuluh malam terakhir. Jika ada yang tidak mampu maka janganlah sampai ketinggalan ibadah di tujuh malam terakhir." (Riwayat Muslim)

Dari dapur bujang...

Oleh : Muhamad Hazrul bin Md Esa


Bulan Ramadan atau bulan puasa, memang seronok. Apa yang seronok? Macam-macam yang seronok. Dari waktu bersahur, sampai berbuka, tambah lagi masa cuci mata di bazar Ramadan. Lepas berbuka, pergi terawih di surau atau masjid. Lepas terawih, ada moreh. Memang seronok. Lagi-lagi yang bersama keluarga. Ajar anak-anak berpuasa, berbuka dengan anak isteri. Seronok rasanya. Tapi kalau bujang, tak merasalah berbuka dengan anak-anak dan isteri ye? Sebab belum ada lagi. Tapi tak apa, masanya akan tiba.

Tapi, siapa kata orang bujang bosan masa bulan puasa? Siapa juga kata dapur orang bujang masa bulan puasa cuma di bazar Ramadan? Dapur bujang berasap juga walau tiada orang rumah. Bujang-bujang pun, mesti belajar memasak, nanti dah kahwin bolehlah tolong isteri di dapur atau masakkan untuk isteri. Selalu minum air tangan suami, barulah isteri dengar kata. Jangan marah ye, nanti kurang pahala puasa. Untuk info, memasak juga salah satu cara menghilangkan tekanan.



Habis waktu bekerja, kemas barang, siap-siap untuk misi seterusnya. Tak perlu tergesa-gesa sebab bukan ada nak jemput isteri dan anak. Orang bujang, lepas waktu kerja adalah waktu untuk diri sendiri.

Walaupun puasa, kerja tetap seperti biasa.
Hujung waktu kerja, bolehlah fikir nak masak apa untuk menu berbuka.



Sebelum balik, jangan lupa swipe kad staf. Penting!

Jom pergi kedai cari bahan-bahan nak masak untuk berbuka.

Agak-agak nak pergi kedai mana ye?



Nak senang dan tak lekeh, pergi saja ke Mydin. Untuk menu berbuka hari ini, rasanya nak masak makanan Jawa. Resepi abah. Cara masak mudah, sesuai untuk orang bujang. Tapi susah juga nak sediakan bahan. Banyak dan agak remeh. Tapi yang pasti, sedap!



BALIK RUMAH, MASAK.....

Ayam Masak Ungkep



BAHAN-BAHAN :

Daging Ayam 400 gram (dipotong sedang)
6 Biji Bawang Merah
3 Ulas Bawang Putih
2 Inci Halia
2 Inci Kunyit
Secawan Santan
2 Sudu Besar Ketumbar
1 ½ Sudu Besar
Jintan Halus
2 Batang Serai
Garam Secukup Rasa
1/3 Cawan Minyak



CARA-CARA MEMASAK :

1. Bawang merah, bawang putih, halia, kunyit, jintan halus dan ketumbar dikisar sehingga lumat dengan sedikit air.

2. Panaskan minyak dalam kuali.




4. Kemudian, masukkan serai yang telah dititik.



6. Masukkan santan dan digaul rata. Masak sehingga mendidih dan daging ayam telah masak dengan sempurna. Sedia untuk dinikmati.



3. tumiskan bahan yang telah dikisar sehingga pecah minyak dan naik bau.



5. Masukkan garam dan ayam. Masak sehingga daging ayam sedikit kental.

*Selamat Mencuba
Salam Ramadan...*

....Dari Jauh Ku Pohon Maaf



Saya, Ahmad Zaki bin Hj Shukor (sedang melanjutkan pelajaran di Yokohama National University), isteri, Mazlina binti Maskon dan anak-anak ingin mengucapkan selamat menyambut Ramadan al-mubarak dan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua warga UTeM, staf dan pelajar, khususnya dan umat Islam amnya. Mudah-mudahan ibadat sama-sama kita lipatgandakan untuk memperolehi rahmat dan keampunan Ilahi, dan dipertemukan dengan malam yang lebih baik daripada 1000 bulan. Sekiranya ada salah silap, mohon maaf kami pohon.

To all colleagues, acquaintances and students of UTeM, most especially to beloved friends at Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan, I would like to take this opportunity to wish all of you "Selamat Menyambut Ramadan dan Selamat Berpuasa." May Allah SWT bless us with Hidayah and Taufeeq. May Allah reward us with Jannah. Insha-Allah.

Hj Mohd Fauzi Hj Kamarudin & Family
Deakin University
Victoria, Australia.

AZRINA OTHMAN
UNIVERSITAT AUTONOMA DE BARCELONA, SEPANYOL

Saya staf UTeM bersama keluarga di Sepanyol ingin mengucapkan Selamat Berpuasa dan seterusnya Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua staf & rakan-rakan UTeM khasnya di Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan(FPTT) dan tidak lupa juga utk mereka di Unit Cuti Belajar(UCB). Maaf zahir dan batin. Doakan kejayaan & kesejahteraan saya di sini. Makan rendang dan ketupat jangan lupakan kami.

Saya, Nurazlina Md Sanusi, dari Jabatan Kejuruteraan Perisian, FTMK kini berada di dalam tahun tiga pengajian PhD di La Trobe University, Melbourne ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan Selamat Menyambut bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga staf dan pelajar UTeM yang beragama Islam dan umat Islam di Malaysia yang mengenali kami sekeluarga iaitu Tn Hj Sazali Muhd Din, Aina Syahirah & Aina Alyssa.

Peraturan Hari raya

1. Haram berpuasa pada hari raya kerana dari Hadis Abu Sa'ed Al-Khudri r.a., dimana Rasulullah saw telah melarang berpuasa satu hari didalam Hari Raya Fitri dan satu hari didalam Hari Raya Adha. (Riwayat Muslim, 827).

2. Tiada solat sunat mengiringi solat Raya: Tidak terdapat Solat Sunat sebelum atau sesudah Solat Hari Raya yang boleh dilakukan, sebagaimana yang dilaporkan oleh Ibnu Abbas bahawa Nabi saw biasanya akan keluar dihari Hari Raya dan bersolat 2 rakaat, tidak dilakukan apa-apa sebelum dan sesudahnya.

Ini didalam hal solat dilakukan dikawasan terbuka (padang). Walaubagaimana pun, bagi mereka yang bersolat Hari Raya dimasjid, maka mereka seharusnya bersolat 2 rakaat Tahiyat Al-Masjid sebelum duduk.

3. Wanita juga menyertai Solat Hari Raya : Menurut sunnah Nabi saw, setiap orang digalakkan menghadiri Solat Hari Raya, dan berkerjasama diantara satu sama lain.

Lawatan Kerja Ke Bahagian Kabinet, Perlembagaan & Perhubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri

Oleh: Wan Nazrul Shukri bin Kamarul Baharin

"Dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu dan apabila engkau telah berazam, maka bertakwalah kepada Allah."

(Ayat 159, Surah Al-Imran)

Dalam ajaran Islam, Mesyuarat merupakan satu perintah Allah s.w.t seperti yang tersebut dalam Firman-Nya, yang tersebut di atas. Dalam firman tersebut, jelaslah bahawa bermesyuarat memang penting dalam amalan kehidupan masyarakat Islam.

Mesyuarat ialah satu aktiviti yang berdasarkan komunikasi dua hala antara individu dalam situasi formal. Mesyuarat diadakan dengan tujuan untuk bertukar-tukar fikiran dan pendapat, menyelesaikan masalah berbangkit, mengatasi konflik, membuat keputusan, memberikan maklumat dan mendapatkan maklumat daripada pelbagai pihak. Mesyuarat juga merupakan satu platform akan merungkai satu-satu keputusan yang seterusnya mampu memacu nakhoda sebuah organisasi ke haluan yang telah dirancang.

Mesyuarat yang baik ialah mesyuarat yang dirancang dengan teliti seiring dengan sistem permesyuaratan yang efisien. Setiap tindakan dan pergerakan sepanjang mesyuarat mampu memberi kesan terhadap keputusan yang akan dicapai.

Pejabat Pendaftar merupakan antara Pusat Tanggung-jawab (PT) yang kerap dipertanggungjawabkan dalam mengurusetiakan mesyuarat-mesyuarat utama Universiti

antaranya Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti, Mesyuarat Senat dan Mesyuarat Induk Majlis Konvokesyen UTem.

Mengambil serius terhadap kepentingan pengurusetiaan yang baik, Pejabat Pendaftar melalui Bahagian Dasar & Kualiti Pengurusan telah mengaturkan satu lawatan kerja ke Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan bagi melihat urusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 Julai 2012.

APA ITU KABINET ?

Kabinet Malaysia ialah sebuah badan eksekutif Kerajaan Malaysia. Diketuai oleh Perdana Menteri, kabinet merupakan sebuah majlis menteri-menteri yang bertanggungjawab kepada Parlimen. Badan ini dianggotai oleh menteri-menteri yang memegang portfolio tertentu dan bertanggungjawab secara kolektif mengenai semua keputusan yang dibuat oleh Kabinet. Dalam konteks Sistem Kerajaan Demokrasi Berparlimen, ahli Jemaah Menteri secara kolektif bertanggungjawab terhadap segala keputusan dibuat oleh Jemaah Menteri. Seseorang ahli Jemaah Menteri perlu mempertahankan keputusan yang telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri apabila dibahaskan di Parlimen. Peranan Menteri adalah penting kerana mereka akan membawa usul atau rang undang-undang kerajaan untuk dibincangkan dan diluluskan di Parlimen.

MENGAPA PERLU MELAWAT KABINET?

Lawatan ini diadakan bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan pelaksanaan Mesyuarat Jemaah Menteri (Kabinet) yang diadakan pada setiap hari Rabu jam 9.30 pagi tanpa gagal. Selain itu, maklumat utama yang ingin digarap melalui lawatan ini adalah teknik dan sistem yang digunakan oleh Urus setia Mesyuarat Majlis Jemaah Menteri dalam menyiapkan minit mesyuarat dalam tempoh 3 hari setelah selesai mesyuarat yang diadakan setiap minggu.

"Minutes of each Cabinet session are meticulously jotted down by the secretary, Datuk Mazidah Majid who essentially does the job on behalf of her superior, Tan Sri Samsudin Osman, Chief Secretary to the Government - popularly known as the KSN (Ketua Setiausaha Negara). Like her predecessors, Mazidah is an ebullient, efficient public servant who rarely misses a point put forward in the course of the meeting. I had never seen her lose her control despite the imposing task she is expected to execute for the government of the day. Since 1982 when I first joined the Dr. Mahathir Cabinet, I have known many a Cabinet secretary. They are all truly efficient people. Mazidah is the first lady officer handling this arduous job".

YB Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim
Rujukan : Cabinet Governing in Malaysia

Delegasi Pejabat Pendaftar diketuai oleh Encik Masdzarif bin Mahat, Timbalan Pendaftar, Bahagian Dasar & Kualiti Pengurusan dan disertai seramai Sembilan (9) orang kakitangan Pejabat Pendaftar yang secara umumnya merupakan urus setia Mesyuarat Utama Universiti. Perjalanan yang mengambil masa hampir dua jam itu telah disambut mesra oleh Encik Norhazlan bin Abdul Hamid, Pegawai Teknologi Maklumat. Seterusnya delegasi Pejabat Pendaftar terus dibawa ke Bilik Mesyuarat Utama Aras 4, Bahagian Kabinet Perlembagaan dan Perhubungan (BKPP), Jabatan Perdana Menteri bagi sesi Taklimat Urusan Kerusetian Mesyuarat dan Demo Sistem Komputer Dalaman (SKD) BKPP.

Taklimat tersebut telah dibahagikan kepada dua (2) sesi iaitu :

- i. Taklimat Penyediaan Kertas Kerja dan Minit; dan
- ii. Taklimat & Demo Sistem SKD.



Taklimat sesi pertama telah disampaikan oleh Cik Shahidah binti Sulong, Ketua Penolong Setiausaha (J), PTD Gred M48 manakala sesi kedua berkaitan Sistem SKD telah disampaikan oleh Puan Noor Aziah binti Mustaffa, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, F32. Taklimat telah dimulakan dengan penerangan secara menyeluruh proses sebelum, semasa dan selepas Mesyuarat Jemaah Menteri. Beberapa sesi soal jawab telah diselitkan semasa taklimat dijalankan dengan dibantu oleh beberapa orang pegawai dari JPM sendiri iaitu Encik Arizan bin Jahidsapian, Pegawai Teknologi Maklumat, PTM Gred F44, Encik Syamsul Ariffin bin Abdul Karim, Pegawai Teknologi Maklumat, PTM Gred F44, dan Puan Rasyida binti Zainun, Pegawai Teknologi Maklumat, PTM Gred F41.

Mesyuarat Jemaah Menteri bersidang pada setiap hari Rabu, setiap minggu sepanjang tahun tanpa gagal. Proses yang terlibat sepanjang tempoh pelaksanaan Mesyuarat Jemaah Menteri sememangnya amat merumitkan. Namun demikian, perkara tersebut telah dipermudahkan dengan adanya sistem dan prosedur yang teratur bagi memastikan perjalanan mesyuarat yang sempurna. Bagi mencapai dasar kualiti BKPP iaitu komited kepada pengeluaran output yang berkualiti tinggi dengan matlamat konsep zero defect dan sentiasa berusaha ke arah menghayati nilai dan etika dalam perkhidmatan awam, pihak urus setia telah memperuntukkan selama 4 hari bagi proses pengumpulan dan penyediaan kertas kerja bagi perbincangan Jemaah Menteri manakala 3 hari bagi proses penyediaan Minit Mesyuarat. Hebat!


Taklimat diakhiri dengan penyampaian cenderahati pihak Universiti kepada pihak BKPP. Dan diikuti dengan lawatan ringkas ke bahagian operasi yang melibatkan proses percetakan dan penyediaan kertas kerja. Lawatan berakhir pada jam 4.30 petang.

Coretan Aktiviti Bahagian Kesejahteraan

Oleh: Muhamad Hazrul bin Md Esa K.B, P.A (Mal)

Tarikh	: Rabu, 27 Jun 2012
Program	: Motivasi Bulanan
Tajuk	: 'Tepuk Amai-Amai'
Skop Kupasan	: Tanggungjawab ibubapa
Penceramah	: Tuan Haji Mohd Emeran bin Abd Salam Penguasa, Asrama Lelaki Bukit Baru, Jabatan Kebajikan Masyarakat
Tempat	: Auditorium Canselor
Masa	: 9.00 pagi hingga 11.30 pagi

Motivasi Bulanan 'Tepuk Amai-Amai' dibawakan khas untuk golongan ibubapa di kalangan staf UTeM. Masalah sosial sekarang ini sudah jadi satu makanan ruji kita searian. Semua akhbar akan paparkan gejala ini saban hari. Andai ada pun akhbar yang tidak menyentuh soal masalah sosial ini, hanyalah akhbar politik. Itu sahaja. Akhbar-akhbar tabloid pula, boleh dikatakan inilah isu utama yang dipaparkan. Buka suratkhabar, kes rogol, dadah, pukul, rempit, ragut, rompak dan banyak lagi. Tak pernah ada sehari, dalam suratkhabar ataupun berita di televisyen, tiada berita mengenai masalah sosial remaja. Kes buang bayi dah makin rancak lebih kerap dari berita isu tapak buangan sampah. Mungkin dah rasa buang bayi macam buang sampah biasa. Berat. Justeru, sebagai ibubapa, apa peranan kita untuk pastikan anak-anak kita tiada dalam senarai nama remaja-remaja yang dipaparkan dalam akhbar atas kes buang bayi, rempit dan segala salahlaku yang boleh disenaraikan. Motivasi Bulanan kali ini mengupas bagaimana berperanan sebagai ibubapa yang terbaik.



Solat Sunat Aidilfitri

Solat Aidilfitri adalah sunat Muakkad (sangat digalakkan) dan disyariatkan oleh Allah SWT pada bulan Syawal, tahun pertama Hijrah. Rasulullah SAW tidak pernah meninggalkannya sejak mula disyariatkan sehingga Baginda wafat.

Begitu juga para sahabat terus melakukan selepas itu.

Solat sunat Aidilfitri dilakukan antara waktu setelah terbit matahari sehingga sebelum tergelincir matahari. Ia disyari'atkan berjamaah kepada semua mukallaf sama ada lelaki, perempuan, bermukim, musafir, orang bebas atau hamba, sama ada di surau, masjid ataupun dilapangan yang terbuka.

Adalah lebih afdal, jika dilakukan secara berjemaah dan sesudahnya dibacakan dua Khutbah. Walau bagaimanapun, ia boleh dilakukan secara bersendirian.


Solat sunat Aidilfitri hendaklah dilambatkan sedikit, kelewatan ini bertujuan memberi masa bagi sesiapa belum mengeluarkan zakat fitrah.

Zakat fitrah wajib dikeluarkan sebelum menunaikan solat Aidilfitri.



Aktiviti

Tepuk amai-amai



OLEH :
HJ MOHD EMERAN BIN ABD SALAM
 JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI MELAKA



Peranan dan Tanggungjawab

- Jagaan dan perlindungan
- Asuhan dan pendidikan
- 'Role Model'
- Kasih sayang dan harmonis
- Berfikiran 'terbuka' dan 'positif'

Rumahku Syurgaku!

- Membina 'Rumahku Syurgaku' bukanlah mudah, tetapi tidak terlalu payah
- Jadikan matlamat untuk kehidupan yang selesa dan indah
- Ia akan menentukan/mempengaruhi corak kehidupan kita seluruhnya

Keperluan Asas

- Tempat tinggal/perlindungan
- Makan / minum /pakai yang berpatutan
- Keperluan dan kelengkapan
- Kemudahan-kemudahan tambahan
- Sesuai dan selesa
- Keselamatan
- Persekutuan

Memahami Pasangan/Ahli Keluarga

- Kesukaannya
- Kebencianya
- Emosinya
- Hati kecilnya
- Riak dan gerak gerinya

Kasih Sayang

- Dizahirkan dan diluahkan
- Dibuktikan
- Fizikal/Mental/Emosi/Seksual
- "Ringen Tulang" bukan "Ringen Tangan"

Fungsi keluarga

- Memanjangkan zuriat
- Proses pembesaran dan perkembangan
- Pembentukan emosi, rohani, seperitual
- Pembentukan nilai dan sikap
- Perhubungan dan komunikasi


Pembentukan Keluarga Bahagia

- Pemilihan jodoh
- Restu ibu bapa
- Perlaksanaan tanggungjawab
- Saling menghormati
- Membentuk peraturan dan norma keluarga
- Kepatuhan kepada nilai agama, moral dan masyarakat


Tujuan

Tujuan bersolat pada Hari Raya ini ialah untuk mengucapkan syukur kehadrat Allah SWT kerana telah memberi peluang kepada umat Islam berpuasa selama sebulan, pada bulan Ramadan yang penuh berkat disamping dapat memperbanyakkan ibadah kerana pada bulan ini Allah SWT melipat gandakan pahala ibadah serta diper mudahkan-Nya ibadah dengan pengurangan syaitan.

Umat Islam juga berpeluang berkumpul dan memuji Allah SWT. Setelah beribadah selama sebulan meminta ampun kepada Allah, maka tiba bah masa untuk meminta ampun sesama manusia pula. Pertemuan di majlis seumpama ini, membolehkan masing-masing saling bermaaf-maafan dan mempereratkan tali silatul-rahim sesama Muslim.



Aktiviti



Komunikasi

- Mendengar
- Memahami
- Empati dan Simpati
- Kemesraan
- Aktiviti bersama

Cabaran (1)

PEMILIHAN JODOH

- Pilihan sendiri / keluarga
- Justifikasi calon isteri
- Restu ibu bapa
- 'Nasi Lemak Buah Bidara'

Cabaran (2)

ILMU PENGETAHUAN

- Kemahiran keibubapaan
- Agama / moral / kemasyarakatan

Cabaran (3)

EKONOMI

- Kos hidup yang tinggi
- Kekangan ekonomi
- Bersaing dengan persekitaran

Cabaran (4)

'ROLE MODEL'

- Sifat kebapaan
- Pengetahuan agama
- Nilai dan sikap
- Kasih sayang dan ketegasan

Cabaran (5)

DUNIA TANPA SEMPADAN

- Rakan sebaya
- Internet, facebook, handset
- 'Ikon' songsang
- Hiburan

Cabaran (6)

SISTEM SOKONGAN

- Keluarga nuklear
- Jiran tetangga / masyarakat

Cabaran (7)

ASUHAN, PELAJARAN, PENDIDIKAN

- Pembantu rumah / terbiar
- Harapan terlalu tinggi
- Hilang zaman kanak-kanak / keremajaan

Kesilapan !!!!

(YANG TERJADI SEKARANG)

- Memperkecilkan kebolehan anak
- Kurang tegas
- Banyak beri belaian negatif dari positif
- Kurang berkawan dengan anak
- Menegur secara negatif
- Komunikasi kurang berkesan
- Tidak mewujudkan kasih sayang secara terbuka
- Berselisih faham suami isteri di hadapan anak
- Kurang mengawasi pendedahan kepada TV/video, internet, telefon dsb
- Kurang mengajar kemahiran sosial
- Telah beri kebebasan / terlalu memanjakan

Adab Solat Aidilfitri


1. Menjamah sedikit makanan terutama tamar sebelum keluar bersolat sunat hari raya. Anas bin Malik menyebut: "Adalah Nabi SAW tidak akan keluar untuk solat Aidilfitri sehingga baginda memakan buah tamar terlebih dulu dengan bilangan yang ganjil (tiga atau lima atau tujuh biji)."
2. Lebih afdal dengan berjalan kaki ke masjid sekiranya tidak terlalu jauh.
3. Pergi ke masjid menggunakan jalan yang berbeza dengan jalan pulang, agar dapat bertemu dan bermaafan dengan ramai kenalan.
4. Bersolat sunat hari raya dan mendengar khutbah penuh penghayatan.
5. Bersedekah dan bertakbir pada Hari Raya Aidilfitri
6. Membanyakkan membaca takbir, tasbih, tahmid memuji kebesaran Allah SWT.
7. Apabila selesai menunaikan solat sunat Aidilfitri maka digalakkan bersalam-salam kerana ia adalah cara terbaik memohon keampunan sesama insan.
8. Apabila hari raya jatuh pada hari Jumaat, maka solat Jumaat menjadi sunnah, boleh diadakan dan boleh tidak tetapi untuk lebih afdal, khariah masjid jami' sebaiknya tetap mengadakan solat Jumaat.

Taklimat Penyelarasan Senarai Tugas Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat

Oleh: Nur Fazilah Binti Mohd Kassim

Berikut daripada pelaksanaan Pekeling Perkhidmatan Bil. 27 Tahun 2009 Skim Perkhidmatan Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat Gred N17, N22, N27/28, N32, N36 berkuat kuasa 1 Januari 2010, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah membuat penambahbaikan kepada skop fungsi dan bidang tugas Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat di Universiti ini bagi memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan Universiti supaya cekap dan kompeten sejajar dengan jaringan kerja di samping memperluas konsep multi skilling.

Sehubungan dengan itu, satu taklimat mengenai Penyelarasan Senarai Tugas telah diadakan pada 19 Jun 2012 bertempat di Auditorium Canselor bersama semua Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat UTeM. En. Wahi bin Nordin, Ketua Timbalan Pendaftar, memberi penerangan mengenai skop fungsi dan bidang tugas jawatan ini pada taklimat berkenaan.



Sesi Taklimat Berlangsung

Statistik Perjawatan Terkini Di UTeM Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat Gred N17, N27/28

BERSTATUS TETAP

Jawatan dan Gred	Bil. Setiausaha
Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N17	1
Setiausaha Pejabat Gred N27	40
Setiausaha Pejabat Gred N28	2
Jumlah	43

Kesemua 43 Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17 dan N22 yang sedia ada di Universiti ini telah menerima opsyen pertukaran pelantikan ke Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat Gred N17, N22, N27/28.

BERSTATUS KONTRAK

Jawatan dan Gred	Bil. Setiausaha
Setiausaha Pejabat Gred N27	14

Fungsi Senarai Tugas Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Yang Sedia Ada

- Jawatan ini diwujudkan bagi melicinkan pengurusan pejabat bagi NC, TNC, Ketua Pusat Tanggungjawab serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional (memenuhi kelayakan).

- Fungsi tugas meliputi: kesetiausahaan, perhubungan awam dan jaringan kerja.
- Fungsi tugas sedia ada dimantapkan bagi menghadapi cabaran dan peningkatan kompleksiti tugas selaras dengan perkembangan semasa.

Penambahbaikan Skop Fungsi Tugas Baru Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat

RATIONAL PENAMBAHBAIKAN

- Memperkemas struktur perkhidmatan.
- Memperluas konsep multi-skilling.
- Meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.
- Memantapkan perkhidmatan kesetiausahaan supaya cekap dan kompeten sejajar dengan kompleksiti tugas.
- Memperbaiki peluang kemajuan kerjaya.

SENARAI TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB	
INPUT TANGGUNGJAWAB (PTJ) :	
NAKHODAI :	
MO. LIAK :	
MURID :	1. PEMERANTU SETIAUSAHA PEJABAT/SETIAUSAHA PEJABAT (Ditawar Untuk Merupakan Sahaja)
GRED :	2. N17, N22, N28 (Di bawah Tingkat Merupakan Sahaja)
BAHAGIAN/ JABATAN/ UNIT :	
SENARAI TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:	
1. Melaksanakan tugas - tugas inventarisasi, merangkumi per�panjangan surat menyurat dan menjalankan mesyuarat dan juga menjaga kerjasama.	
2. Melaksanakan tugas - tugas berkaitan perolehan pekerjaan serta operasi kerja harian.	
3. Melaksanakan tugas - tugas kerjaan seperti istiqamah dan pengurusan yang berkaitan dengan organisasi.	
4. Menguruskan tugas - tugas berkaitan dengan pelaksanaan event.	
5. Melaksanakan tugas-tugas lain seperti yang diturunkan dan semasa ke semasa.	
Funabiliti Jawatan :	1) Dapat menguruskan dengan perolehan dan 2) Tertib Lapor (Kepada siapa pun).
Fondatensi dan cap Pejabat :	
Fondatensi dan cap Ketua ST :	
Nota : Skip Range dan Undang-Susah Pendekar Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat adalah merentas GL Lantai A.	

SENARAI TUGAS UMUM

Taklimat Manfaat Perkeso

Oleh: Norhafizah binti Md Yusoh

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar telah menganjurkan program Taklimat Manfaat PERKESO pada 25 Julai 2012, jam 9.00 pagi bertempat di Dewan Auditorium, Canselori. Program taklimat yang julung kalinya dianjurkan, telah dihadiri oleh 81 orang staf bertaraf sambilan, kontrak dan sementara. Manakala staf bertaraf tetap juga dilihat turut serta dalam program berkenaan.

Untuk makluman, staf bertaraf sambilan, kontrak dan sementara wajib dicarumkan manfaat PERKESO agar staf tersebut dilindungi dari segi Bencana Pekerjaan dan llat seperti yang termaktub dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Walau bagaimanapun, staf bukan warganegara terkecuali dari mencarum manfaat ini.

Menerusi taklimat yang disampaikan oleh En. Redhuan bin Muda @ Mohad Yatim, Pegawai Tadbir, Unit Faedah, PERKESO, peserta dapat mengetahui dan memahami mengenai manfaat yang boleh diperolehi dari caruman PERKESO dan pendedahan mengenai peranan pengurusan terhadap kebajikan staf. Program ini juga memberi peluang kepada peserta untuk berinteraksi dengan pihak PERKESO bagi permasalahan yang dihadapi.





Buletin
Teras
Edisi 14

[View photos by TERAS \(10\)](#)

[Send TERAS a message](#)

[Pokes message](#)

Information

Networks:
Malaysia
Location:
Melaka, Malaysia
Agensi:
Education

Friends



Wall

Info

Add Photo/Video

Ask Question



Mohd Shahrul Nizam bin Shukor

'Bookmark' to Allah SWT... 'Forward' your solat... 'Edit' your akhlaq... 'Copy paste' from the Al-Qur'an and Sunnah.... 'Firewall' your iman.... 'Backspace' from syaitan.... 'Delete' Allah's enemies..Lastly, 'File' your amal and 'Download' pahala.... ~ Salam Ramadhan~

Like · Comment · about an hour ago

10 people like this



Nur Fazilah binti Mohd Kassim Ahlan waslahan ya Ramadhan.... Delete dosa-dosa yang lalu. Top up iman di dalam diri.

Redeem pahala sebanyak mungkin.
about an hour ago · Like



Arjunaidy bin Demek Ramadhan is the month of blessings. May you find peace during sacred days and holy nights of Ramadhan.

about an hour ago · Like



Wan Nazrul Shukri bin Kamarul Baharin
Assalamualaikum buat semua,
Salam dihulur maaf dipinta,
Selamat menuaikan ibadah puasa,
Tingkatkan amalan pahala berganda

Like · Comment · five hours ago

8 people like this



Ahmad Fitri bin Abu Bakar
Waalaikumsalam jawab diberi, Pantun sebagai pengantara
Ibadah puasa tanggungjawab kami, Untuk bekalan diakhiri nanti
five hours ago · Like



Khairul Nizam bin Minhat
Pergi ke pasar membeli mangga, Dibuat sambal segar rasanya
Bulan kunit kini dah tiba, Puasa Ramadhan rukun ketiga
four hours ago · Like



Omar bin Abdul Aziz
Bujang lapok si ali baba, Kasim selamat si madu tiga
Bulan puasa bulan mulia, Mari kita menambah pahala
four hours ago · Like



Mohd Nazrul bin Mohd Shafiq
Anak Zirafah lompatlah galah, Anak harimau bermain bola
Kalau berbelanja itu tak salah, Tapi jangan membazir pula
about an hour ago · Like



Azrina binti Alwi
"Wahai orang-orang yang beriman, telah diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana telah diwajibkan
ke atas umat-umat sebelum kamu, semoga kamu menjadi orang-orang yang bertaqwah" (Al-Baqarah : 183)
Like · Comment · 10 hours ago

7 people like this



Mohd Hairull bin Abdolah 'Ramadhan Al-Mubarak : Awalnya Rahmat, pertengahannya Maghfirah dan penghujungnya pembebasan dari
api neraka.' Semoga Ramadhan kali ini membawa seribu keberkatan. Ammin....
nine hours ago · Like



Rosli bin Mahmood Dari Abu Hurairah r.a, Rasulullah s.a.w bersabda; 'Apabila masuk bulan Ramadhan, terbukalah pintu-pintu syurga dan
terkunciilah segala pintu neraka manakala sekelian syaitan dirantai dan dibuka segala pintu rahmat.' Riwayat Bukhari dan Muslim.
nine hours ago · Like



Izwan bin Mohamad
"Sesungguhnya telah kami turunkan Al-Quran pada Lailatul Qadar. Tahukah kamu apakah Lailatul Qadar itu? Lailatul Qadar adalah lebih
baik daripada seribu bulan." Surah Al-Qadr, ayat 1-2.

Like · Comment · 15 hours ago

12 people like this



Diterbitkan oleh:

Pejabat Pendaftar
Universiti Teknikal
Malaysia Melaka (UTeM)
Hang Tuah Jaya
76109 Durian Tunggal Melaka

Telefon:

06 - 555 2000

Faks:

06 - 331 6114

email:

pendaftar@utem.edu.my